

Kertas Kerja

**Cadangan Kearah Pilihanraya Yang Lebih
ADIL, BEBAS DAN TELUS**

**Dikemukakan kepada
Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan
Penambahbaikan Proses Pilihan Raya
(PSC)**

**Pada
12 Januari 2012**

**Di
Bilik Gerakan Tun Abdul Razak,
Bangunan Sultan Ibrahim
Johor Bahru**

**Oleh
Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin**

41, Jalan Meranti 19, Taman Sri Pulai,
81110 Kangkar Pulai, Johor.
Tel: 019-7791967, E-mel: ahamidyz@hotmail.com

"Jika wang berjuta-juta ringgit dipindahkan menggunakan perbankan internet boleh dipercayai, kenapakah undi pilihanraya (yang tidak melibatkan transaksi wang) tidak boleh dan/atau tidak hendak dipercayai?"

Kertas Kerja
Cadangan Kearah Pilihanraya Yang Lebih
ADIL, BEBAS DAN TELUS

Kandungan	Mukasurat
1. Pengenalan	2
2. Latarbelakang	4
3. Bebas, Adil dan Telus: Apa dan bagaimana?	5
4. Sistem PRU	7
5. Digunakan sebelum, semasa dan selepas PRU	8
6. Sebagai pemantau semasa pengundian	9
7. Semakan menerusi Sistem PRU	10
8. Sekatan pengundian menerusi Sistem PRU	10
9. Mengelakkan pengundian berulang menerusi Sistem PRU	11
10. Semakan penama berulang menerusi Sistem PRU	11
11. Halang pemilih tidak cukup umur menerusi Sistem PRU	11
12. Elakkan salah tempat mengundi menerusi Sistem PRU	12
13. Boleh mengundi di mana-mana sahaja menerusi Sistem PRU	12
14. Maklumat diguna semula semasa kiraan menerusi Sistem PRU	13
15. Maklumat dipamer dalam masa sebenar menerusi Sistem PRU	13
16. Menjamin undi pos yang sah menerusi Sistem PRU	13
17. Menangkis tohmahan terhadap SPR menerusi Sistem PRU	13
18. Kategori baru pemilih	14
19. Mengundi di kawasan masing-masing? Negara mundur?	15
20. Nombor siri dan kiraan semula	15
21. Bukan untuk SPR sahaja	16
22. Buktikan cabaran SPR dan kerajaan	17
23. Memilih “wakil rayat”, bukan “wakil parti”	18
24. Penutup	18

1. Pengenalan

- 1.1 Cadangan ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (dirujuk juga sebagai PSC).
- 1.2 Secara umumnya, skop proses proses pilihanraya adalah terlalu besar dan penambahbaikan juga adalah terlalu umum. Terlalu banyak bahagian, kekangan, faktor, ciri, keperluan, kehendak dan sebagainya yang berkaitan dengan pilihanraya yang semuanya sentiasa boleh dilakukan penambahbaikan ke arah yang lebih baik.
- 1.3 Merujuk kepada sejarah penubuhan PSC, isu dan pertikaian adalah merujuk kepada pilihanraya yang bebas, adil dan telus. Antara contoh persoalan yang ditimbulkan ialah

Bagaimanakah hendak memastikan SPR dan PRU adalah bebas, adil dan telus?

Ulang, SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) dan PRU (Pilihan Raya Umum).

Bebas, adil dan telus dalam cadangan ini adalah dirujuk dan dimaksudkan sebagai "satu ungkapan".

- 1.4 Sebarang cadangan penyelesaian atau penambahbaikan mestilah merangkumi skop kedua-duanya SPR dan PRU. Jika SPR tidak bebas, adil dan telus, bagaimanakah PRU boleh bebas, adil dan telus?

Sebaliknya, walaupun SPR adalah bebas, adil dan telus namun PRU tetap masih boleh tidak bebas, adil dan telus.

- 1.5 Namun skop ini boleh dipermudahkan dan diringkaskan dengan menerima anggapan bahawa "PRU adalah produk SPR". SPR adalah satu-satunya badan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dan mengendalikan proses berkaitan dengan PRU.

- 1.6 Oleh yang demikian, fokus tujuan cadangan ini ialah supaya

1.6.1 **dapat memastikan** bahawa SPR dan PRU adalah bebas, adil dan telus dan

1.6.2 **dapat membuktikan** bahawa SPR dan PRU adalah bebas, adil dan telus.

- 1.7 Mekanisma, cara, kaedah dan prosidur yang dicadangkan telah pun dibangunkan. Sistem berkomputer yang diperlukan telah pun direkacipta dan telah pun diuji dengan lebih 10 juta rekod serta sudah sedia untuk digunakan.

Oleh yang demikian, hipotesisnya, sesiapa yang menentang dan/atau tidak menerima cadangan yang dikemukakan ini adalah merupakan antara pihak yang tidak mahu supaya SPR dan PRU adalah bebas, adil dan telus.


2. Latarbelakang

- 2.1 Keputusan PRU-12 mengejutkan banyak dan telah menimbulkan pelbagai isu, spekulasi pertikaian pelbagai pihak yang akhirnya membawa kepada penubuhan jawatankuasa ini.
- 2.2 Salah satu isu panas yang timbul sebaik sahaja selesai PRU-12 tersebut ialah mengenai undi hantu.
- 2.3 **Pertama.** Satu kajian telah pun dilakukan oleh Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin untuk menentusahkan isu undi hantu tersebut. Satu laporan polis mengenainya telah pun dibuat (pada 16 Mei 2008 di Balai Polis Daerah Johr Bahru Utara, No.Repot K/PULAI/001880/08) kerana jelas terdapat "prima-facie" kewujudan undi hantu dan dipercayai perlakuan kesalahan jenayah telah dilakukan. Dipercayai terdapat 136,008 undi hantu yang telah diterima dan diwartakan sebagai undi sah oleh SPR. Bilangan kerusi yang terlibat ialah 141 daripada 222 kerusi Parlimen.
- 2.4 Laporan hasil kajian ini telah diserahkan kepada berbagai pihak termasuklah diserahtangan sendiri kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Najib di Bangunan Parlimen.
- 2.5 Namun sehingga kini tiada sebarang tindakan susulan sepatutnya diambil. Malah, SPR dan Perdana Menteri pun menafikan kewujudan undi hantu ini.
- 2.6 Lampiran-1 adalah laporan mengenai undi hantu tersebut.
- 2.7 "Menafikan sesuatu yang telah dibuktikan" adalah jelas memberikan implikasi dan hipotesis negatif terhadap pihak yang menafikan tersebut. Salah satu contoh hipotesisnya ialah
"Perdana Menteri dan SPR mempunyai kepentingan untuk mengeksploitasi undi hantu dalam pilihanraya".
- 2.8 Sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang, membuat laporan polis palsu adalah merupakan suatu kesalahan.
- 2.9 Ini sahaja sudah cukup untuk membuktikan bahawa
SPR tidak bebas, adil dan telus.
- 2.10 **Kedua.** Sebagai menyahut cabaran dan pelawaan SPR kepada semua pihak untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan SPR, satu kertas kerja cadangan telah pun dikemukakan dan diperjelaskan kepada SPR di Pejabat SPR, Putrajaya pada 2 Ogos 2011.
- 2.11 Antara kandungan cadangan termasuklah kearah menjadikan SPR dan PRU lebih bebas, adil dan telus, tidak menggunakan kaedah biometrik dan menggunakan dakwat sebagai penanda.
- 2.12 Lampiran-2 adalah kertas kerja cadangan yang telah dikemukakan tersebut.
- 2.13 **Ketiga.** Antara cadangan yang telah dikemukakan kepada SPR pada 2 Ogos 2011 ialah menyemak dan menentusahkan pemegang identiti kad pengenalan (MyKad) adalah dibawah tanggungjawab JPN (Jabatan Pendaftaran Negara) dan BUKANNYA di bawah tanggungjawab SPR. Oleh yang demikian, kaunter JPN mesti disediakan atau menggunakan semakan secara "on-line" menggunakan sistem semakan sedia di JPN.


- 2.14 Namun, selepas itu, didapati bahawa JPN telah pun menutup atau memberhentikan khidmat menyemak pengenalan MyKad tersebut.
- 2.15 Oleh kerana semakan yang sempat dilakukan sebelumnya oleh berbagai pihak membuktikan bahawa terdapatnya percanggahan identiti pemegang MyKad, maka ini sudah cukup membuktikan ketidaktelusan.

3. Bebas, Adil dan Telus: Apa dan bagaimana.

- 3.1 Perkara paling asas yang pertama sekali boleh ditinjau mengenai pilihanraya yang bebas, adil dan telus ialah rekod pengkalan data pemilih (pengundi)



- 3.2 Bebas bermakna tidak ada campur tangan oleh mana-mana pihak atas apa-apa kepentingan.
- 3.3 Adil bermakna apa-apa jua adalah sama untuk semua pihak.
- 3.4 Telus bermakna boleh "nampak" segalanya (kecuali kerahsiaan tertentu untuk orang awam) dan boleh diperolehi, tidak diselindungi, disembunyi. Jika adil, nampak keadilannya. Jika bebas, nampak kebebasannya.
- 3.5 SPR dan PRU mestilah disempandani / dipagari oleh tiga faktor ini iaitu adil, bebas dan telus.
- 3.6 Merujuk kepada rajah tindakan set bebas, adil dan telus, SPR dan PRU mestilah sentiasa berada dalam kawasan yang ditandakan dengan nombor 7 (iaitu di pusatnya atau sebagai nukleusnya).



3.7 Ramai yang boleh bercakap mengenai hendakkan adil, bebas dan telus tetapi persoalannya, bagaimanakah hendak melakukannya? Jika telah diletakkan atau disasarkan bahawa SPR dan PRU adalah adil, bebas dan telus, 3 persoalan penting susulannya ialah:-

3.7.1 Apakah yang hendak dilakukan?

3.7.2 Bagaimanakah hendak melaksanakannya?

3.7.2 Bagaimanakah hendak membuktikan samada ianya adalah adil, bebas dan telus atau tidak?

3.8 Jawapannya ialah dengan merekacipta dan membangunkan suatu mekanisma khusus bagi tujuan itu, iaitu yang boleh digunakan untuk menunjukkan dan membuktikan samada SPR dan PRU adalah adil, bebas dan telus atau tidak.

3.9 Suatu mekanisma berkomputer tersebut telah pun diprototaip dan dibangunkan oleh Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin dengan falsafah dan teknologi

“Error-free Internet-based Real-time On-line Networked Data Sharing and Transactions” (c) A.Hamid Y.Z

3.10 Mekanisma tersebut dinamakan sebagai Sistem PRU.

3.11 Merujuk kepada rajah di 3.1, gunakan sistem ini untuk menentusahkan senarai pemilih mengikut/bagi setiap kawasan Parlimen, DUN, daerah, lokaliti, tempat mengundi dan kumpulan pemilih yang dikehendaki.

3.12 Jika telus maka mestilah boleh nampak. Salah satu cara untuk nampak ialah lihat menggunakan Sistem PRU. Sistem PRU membolehkan semua pihak untuk melihat semua senarai di semua peringkat.

3.13 Jika bebas dan adil, tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan, tidak ada apa-apa yang takut didedahkan. Melainkan tidak bebas, tidak adil.


4. Sistem PRU

- 4.1 Selain dilihat, "bebas, adil dan telus" juga perlu diukur. Sebagaimana juga dengan apa-apa yang diukur, sudah tentu memerlukan alat pengukur dan sekilnya. Misalnya, alat pengukur kelajuan untuk mengukur had laju kenderaan (km/jam), alat penimbang untuk mengukur berat (kg), jangkasuhu untuk mengukur suhu (darjah celcius), kertas litmas untuk mengukur PH, dan lain yang hendak diukur seperti tekanan, kandungan gula, penglihatan, kepintaran, frekuensi, gelombang dan sebagainya.
- 4.2 Begitu jugalah dengan adil, bebas dan telus pada SPR dan PRU, sudah tentu memerlukan suatu alat untuk mengukurnya. Sistem PRU telah direkacipta dan direkabentuk supaya boleh mengukur perkara ini.
- 4.3 "Benda" yang hendak diukur dalam kes ini ialah maklumat pemilih. Sepertilah juga benda yang hendak diukur bagi menentusahkan demam atau tidak ialah suhu, tekanan darah bagi darah tinggi atau tidak, kandungan gula bagi kencing manis atau tidak, dan sebagainya.
- 4.4 Semua maklumat pemilih boleh dicapai secara forensik pengkalan data berkomputer dari mana-mana, pada bila-bila masa, menggunakan apa-apa peralatan asalkan bersambung dengan internet.
- 4.5 Capaian kepada pengguna khusus juga disediakan (misalnya kepada parti yang bertanding) bagi tujuan kegunaan dan/atau kehendak mereka. Umpamanya untuk memudahkan mereka membuat semakan dan pengesahan maklumat keahlian parti dengan rekod pemilih SPR.
- 4.6 Sebarang maklumat yang dikategorikan/ditakrifkan sebagai rahsia kepada mana-mana pihak boleh dicapai oleh pihak yang dibenarkan melalui tapisan kod pengguna berdaftar dan katalaluan rahsia mengikut tahap capaian dan kebenaran tertentu.
Umpamanya, ada pengguna yang dibenarkan untuk lihat, edit, tambah, hapus maklumat tertentu.
- 4.7 Persoalan selanjutnya ialah siapakah yang hendak mengendalikan sistem ini bagi menjamin kerahsiaan, adil, bebas dan telus? Misalnya sebelum ini terdapat cadangan supaya kerja-kerja pembersihan senarai pemilih diserahkan kepada MIMOS Berhad tetapi telah ditolak kerana boleh menimbulkan lebih banyak keraguan. Adalah dicadangkan supaya Sistem PRU dikendali dan disenggara oleh
 - 4.7.1 SPR sendiri
 - 4.7.2 mana-mana pihak lain yang berkecuali
 - 4.7.3 pihak yang dilantik dan dipantau oleh ahli jawatankuasa PSC atau ahli jawatankuasa Suruhanjaya.
- 4.8 Cadangan terbaik dalam jangka masa terdekat ini ialah dengan melantik pihak yang membangunkan sistem ini iaitu Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin, memandangkan faktor masa PRU-13 yang semakin hampir.
- 4.9 Dalam jangka masa panjang, pemindahan teknologi kepada SPR atau kepada mana-mana pihak yang dilantik boleh dilakukan.

4.10 Adalah dicadangkan supaya suatu sesi penerangan dan demonstrasi khas diadakan khusus kepada PSC dan lain-lain yang berkenaan. Ini kerana amat diyakini bahawa tidak ada sesiapa pun yang akan percaya mengenai ciri, spesifikasi, kelebihan dan manfaat yang diperolehi daripada Sistem PRU tanpa "melihat dan merasainya" sendiri. Kebanyakan yang telah dimasukkan ke dalam rekabentuk sistem ini adalah merupakan perkara yang mustahil bagi hampir semua orang awam.

5. Digunakan sebelum, semasa dan selepas PRU

5.1 Sistem PRU telah direkabentuk supaya dan boleh digunakan sebelum, semasa dan selepas PRU. Semuanya dilaksanakan dalam masa sebenar.



- 5.2 Sebelum PRU, boleh dibuat semakan, pengesahan dan sebagainya oleh semua pihak yang berkenaan (termasuk orang awam) bagi membuktikan senarai pemilih adalah adil, bebas dan telus.
- 5.3 Semasa PRU, sistem boleh digunakan bagi menyelesaikan berbagai isu dan masalah yang selama ini timbul dan tidak boleh diselesaikan. Sistem PRU boleh digunakan sebagai "pemantau" semasa pengundian dijalankan. Maklumat lanjut seperti dijelaskan dalam Perkara-6 dan seterusnya.
- 5.4 Selepas PRU, sistem boleh digunakan sebagai arkib, rujukan bagi sebarang tujuan (misalnya bagi kes mahkamah), post-mortem, dan sebagainya.

6. Sebagai pemantau semasa pengundian

- 6.1 Hari mengundi adalah merupakan hari yang paling penting dan kritikal bagi mana-mana pilihanraya. Segala kemungkinan boleh berlaku pada hari ini. Boleh dikatakan semua isu yang dibangkitkan adalah berkait dengan hari mengundi.
- 6.2 Tidak dapat dinafikan bahawa pada setiap kali pilihanraya pemantauan sememangnya diperlukan. Pemantauan bukan setakat "melihat" sahaja. Pemantauan melibatkan juga semakan dan siasatan maklumat pemilih bagi mengelakkan sebarang pelanggaran akta, penipuan, manipulasi, pengundi dan undi hantu, undi hilang dan sebagainya. Pemantauan dilakukan sebelum, semasa dan selepas proses pembuangan undi. Persoalannya, bagaimanakah hasrat yang baik ini dapat dilaksanakan?
- 6.3 Seperti juga dengan berbagai "pemantau" sedia ada (termasuklah pasukan keselamatan, NGO, wakil parti politik yang bertanding, wakil daripada negara luar, dan sebagainya) pemantauan darisegi "elektronik" juga diperlukan dan boleh dikatakan sebagai satu kemestian selaras dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini.
- 6.4 Sistem PRU yang telah dibangunkan boleh digunakan sebagai pemantau semasa pengundian dilaksanakan. Oleh kerana telah berpuluh tahun berlanjutan dan seolah-olah kemelut ini tidak akan sampai ke penghujungnya, maka suatu inisiatif telah diambil untuk merealisasikan suatu mekanisma yang boleh digunakan dalam memantau sesuatu pilihanraya dan diharap dapat menyelesaikan segala pertikaian berkaitan selama ini.
- 6.5 Pemantauan ini penting kerana sejak sekian lama dan pada setiap kali samada pilihanraya umum atau kecil, berbagai pihak mempersoalkan berbagai isu ke arah pelaksanaan pilihanraya yang bebas, adil dan telus. Telus bermakna nampak, Jika tidak nampak maka tidak telus. Disebabkan tidak nampak, jelas bahawa hanya satu pihak sahaja yang ditudingjari iaitu Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Walaupun ada pihak berkenaan yang mengaku sebagai badan pemantau bebas, yang berkokok dan menyalak, namun tiada pula pihak yang tampil untuk memberikan penyelesaiannya.
- 6.6 Semasa pembuangan undi berlangsung, sudah semestinya pihak pemantau perlu berada dalam tempat/bilik mengundi kerana inilah detik dan ketika yang paling kritikal dalam sesuatu pilihanraya. Dengan menggunakan sistem ini di tempat/bilik mengundi, kerja-kerja pemantauan dapat dilaksanakan dengan mudah, cepat, tepat, berkesan dan bebas daripada ralat.

7. Semakan menerusi Sistem PRU

- 7.1 Sebelum sesuatu kertas undi diberikan kepada seseorang individu yang masuk ke tempat/bilik mengundi, sistem ini mampu dan boleh menyemak serta mengesahkan termasuklah (dan tidak terhad kepada):-
 - 7.1.1. Ia adalah pemilih berdaftar atau tidak.
 - 7.1.2. Ia boleh mengundi atau tidak (misalnya hilang kelayakan disebabkan perintah mahkamah dan sebagainya).
 - 7.1.3. Ia mengundi di tempat dan saluran yang betul.
 - 7.1.4. Merekodkan namanya sebagai telah mengundi (secara tradisionalnya menanda/memotong namanya daripada senarai).
 - 7.1.5. Merekodkan nombor pengundiannya atau nombor kertas undi yang telah dikeluarkan kepadanya.
 - 7.1.6. Merekodkan kertas undi yang tidak dimasukkan ke dalam peti undi.
- 7.2 Walau apa sekali pun, penama atau pemilih yang tidak layak mengundi tidak boleh dibenarkan mengundi. Barulah dapat dipastikan bahawa pemilih yang benar-benar layak sahaja dibenarkan mengundi.
- 7.3 Mekanisma pemantauan menerusi sistem ini akan mengeluarkan signal dan tanda amaran secara automatik (misalnya BOLEH atau TIDAK BOLEH mengundi) sekiranya pemilih berkenaan tidak boleh mengundi, sebelum pun kertas undi boleh dikeluarkan kepadanya.
- 7.4 Kekecohan di tempat mengundi semasa hari mengundi oleh juga disebabkan oleh kesilapan parti yang tersalah mengarahkan pengundi (ahli partinya) ke tempat mengundi yang salah. Kajian terhadap rekod sebuah parti menunjukkan bahawa hampir semua maklumat keahlian parti tersebut tidak sama sepertimana maklumat dalam rekod SPR. Malah, terdapat juga status pendaftaran pemilih ahli parti yang juga tidak sama dengan rekod SPR. Umumnya pihak yang menimbulkan kekecohan berkaitan hanya menuding jari kepada SPR sahaja tanpa mengambil kira dan mengesahkan terlebih dahulu bahawa kesilapan adalah disebabkan oleh pihak lain.
- 7.5 Boleh tahu, boleh disenaraikan pemilih yang masih belum/sudah mengundi. Ini membolehkan pihak yang berkenaan misalnya mengambil dan menghantar pemilih berkenaan.

8. Sekatan pengundian menerusi Sistem PRU

- 8.1 Pemilih yang disekat atau yang telah hilang kelayakan mengundinya mestilah dijamin supaya tidak boleh diberikan kertas undi dan tidak boleh mengundi. Ini dapat dilakukan oleh menerusi sistem ini sekiranya digunakan di tempat/bilik mengundi.
- 8.2 Pemilih yang hilang kelayakan mengundinya mestilah terdapat namanya dalam senarai pemilih berdaftar, cuma ia tidak layak mengundi bagi suatu tempoh tertentu. Penama yang tidak ada dalam senarai pemilih bermakna ia bukanlah pemilih. Jika namanya tidak dimasukkan dalam senarai pemilih, ini boleh memberikan gambaran implikasi lain seperti ia tidak berdaftar,

namanya tercicir dan sebagainya yang mungkin akan menimbulkan kekecohan semasa proses pengundian berlangsung.

9. Mengelakkan pengundian berulang menerusi Sistem PRU

- 9.1 Pemantuan menggunakan mekanisma sistem ini dapat mengelakkan daripada berlakunya pengundian berulang. Secara tradisional, dipercayai seseorang pemilih boleh mengundi lebih daripada sekali dan tidak ada semakan pengesahan yang boleh dilakukan. Akhirnya akan menjadi pertikaian di media yang tidak berkesudahan.
- 9.2 Pengundian berulang boleh juga berlaku akibat "pakatan sabotaj" oleh sekumpulan petugas di tempat/bilik mengundi. Dengan kaedah yang diamalkan selama ini, jika berlaku "persetujuan" antara kedua pihak, atau tindakan "pejam mata" oleh petugas di tempat mengundi, pengundian berulang ini boleh dilakukan dengan mudah tanpa dikesan.
- 9.3 Sistem PRU boleh mengetahui (dan menghalang) sekiranya seseorang pemilih itu telah pun mengundi di tempat dan/atau saluran lain. Ini sekali gus dapat mengelakkan sebarang cubaan untuk mengundi dua kali. Sistem akan memaparkan maklumat di mana, bila dan nombor kertas undi yang telah diberikan kepadanya. Jika dikehendaki, nama petugas yang memberikan kertas undi kepadanya pun boleh dipaparkan.
- 9.4 Pihak pemantau atau pihak keselamatan yang berada di tempat mengundi boleh sahaja terus menangkap individu yang cuba untuk mengundi kali kedua tersebut.

10. Semakan penama berulang menerusi Sistem PRU

- 10.1 Amalan tradisional cara semakan SPR sehingga kini menyebabkan hampir mustahil untuk mana-mana pihak mengetahui jika seseorang penama itu telah direkodkan sebagai pemilih lebih daripada sekali. Sudah tentu ini mengimplikasikan senarai pemilih yang tidak sah, yang akan membolehkan pula pengundian yang tidak sah, yang tidak adil.
- 10.2 Semakan menggunakan mekanisma sistem ini dapat mengenalpasti dan mengatasi masalah ini.

11. Halang pemilih tidak cukup umur menerusi Sistem PRU

- 11.1 Mungkin berlaku sesuatu kesilapan (sebagaimana yang telah pernah terjadi) pemilih tidak layak untuk mengundi kerana tidak cukup umur. Semakan secara tradisional dengan membaca nombor kad pengenalan dan memotong nama di senarai tidak akan dapat mengenalpasti dengan cepat (serta merta) pemilih sebegini, yang mengakibatkan "terlepas undi". Tambahan pula apabila berlakunya "terlepas pandang" oleh petugas berkenaan.
- 11.2 Penggunaan mekanisma semakan sistem ini dapat menghalang "terlepas undi" kerana maklumat umur pemilih berkenaan akan disemak dan dipaparkan secara automatik secara serta merta.
- 11.3 Capaian terus ke sistem di Jabatan Pendaftaran Negara membolehkan pengesahan pemegang Mykad disahkan serta merta (SPR bukanlah pihak yang boleh mengesahkan status pemegang MyKad).

12. Elakkan salah tempat mengundi menerusi Sistem PRU

- 12.1 Mekanisma pemantauan menggunakan sistem ini membolehkan mengetahui dengan tepat dan cepat hanya dalam beberapa saat sahaja (selambat klik mouse) sekiranya seseorang pemilih itu telah pergi ke tempat dan/atau saluran mengundi yang salah, disamping boleh terus tahu kemanakah sepatutnya pemilih itu pergi. Biasanya pemilih berkenaan diarahkan ke tempat lain setelah disemak bahawa namanya tidak ada dalam senarai yang digunakan di tempat mengundi tersebut.
- 12.2 Dalam amalan tradisional, pemilih yang tersalah tempat begini akan diarahkan pergi ke tempat lain (yang juga belum tentu tempat mengundinya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh SPR). Realitinya ini amat menyukarkan walaupun berbagai pihak menyediakan perkhidmatan "pengangkutan khas percuma" kepada pemilih.
- 12.3 Mekanisma sistem ini membolehkan pemilih tersalah tempat ini terus mengundi (di mana-mana dalam kawasanya) tanpa perlu menghalang dan/atau mengarahkannya ke tempat lain, disamping "mengunci" supaya pengenalan pemilih ini tidak boleh digunakan untuk lain-lain pengundian di mana-mana sahaja.
- 12.4 Perlu diingat bahawa pemilih dimestikan mengundi bagi kawasan DUN dan Parlimen yang ia berdaftar, di mana ia mengundinya tidak sepatutnya menjadi penghalang. Penetapan tempat mengundi oleh SPR hanya sebagai pemudahcara bagi melancarkan proses pengundian.
- 12.5 Memang disedari bahawa tanpa menggunakan sistem ini, tindakan ini memang tidak boleh dibenarkan kerana membuka peluang untuk pengundian berulang dan pengundi hantu. Sebab itu diperlukan Sistem PRU ini.

13. Boleh mengundi di mana-mana sahaja menerusi Sistem PRU

- 13.1 Dua sebab utama sepatutnya pemilih dibenarkan untuk mengundi di tempat atau saluran lain.
 - 13.1.1. Tersalah dan/atau tidak tahu tempat mengundi atau tersalah bawa oleh petugas mengangkut pengundi.
 - 13.1.2. Sesuatu tempat mengundi masih sesak/sibok manakala terdapat tempat lain yang sudah lengang, sudah hampir atau selesai membuang undi.
- 13.2 Mekanisma menggunakan sistem ini telah memecahkan halangan selama ini, dimana amalan dan penguatkuasaan oleh SPR tidak membenarkan mana-mana pemilih untuk mengundi di tempat selain daripada yang telah ditetapkan oleh SPR pada awalnya (bagi mengelakkan beberapa masalah tradisional).
- 13.3 Alasan pengagihan saluran mengikut umur pemilih juga sudah tidak relevan lagi kerana segala senarai maklumat atau statistik berkaitan dengan umur pemilih boleh dihasilkan atau diperolehi daripada sistem pada bila-bila masa.

14. Maklumat diguna semula semasa kiraan menerusi Sistem PRU

- 14.1 Oleh kerana sehingga kini, tidak ada satu pun mekanisma yang boleh memantau dan menjamin ketepatan bilangan kertas undi (apatah lagi kehilangan kertas kertas undi), maka sistem ini telah direkabentuk dengan ciri dan kebolehan untuk memantau kertas undi. Untuk itu, sistem ini perlu digunakan di dalam tempat/bilik mengundi selain di tempat dan semasa kiraan undi berlangsung.
- 14.2 Semua maklumat yang direkodkan dalam tempat/bilik mengundi boleh diguna semula semasa proses pengiraan undi dijalankan. Ini amatlah penting bagi menjamin tidak ada kehilangan atau tambahan kertas undi setelah pengundian ditutup.
- 14.3 Maklumat yang diguna semula ini tidak memerlukan sebarang kiraan atau campur tangan manusia. Ini MENJAMIN kiraan yang bebas daripada ralat (seperti ralat manusia yang tidak dapat dielakkan).
- 14.4 Proses kiran undi hanya perlu mengambil masa beberapa saat sahaja dan keseluruhan proses sehingga pengisytiharan boleh disiapkan dalam masa yang amat singkat.

15. Maklumat dipamer dalam masa sebenar menerusi Sistem PRU

- 15.1 Semua maklumat pemantauan yang dikumpulkan oleh sistem ini boleh diketahui oleh semua pihak di seluruh dunia dalam masa sebenar. Umpamanya progress atau perkembangan pemilih yang keluar membuat undi, corak kepadatan dan giliran menunggu, kiraan undi, keputusan, makluman, arahan dan sebagainya. Adalah mustahil ini dapat dilakukan dalam amalan tradisional.
- 15.2 Namun, pemantauan dengan menggunakan mekanisma sistem ini membolehkan perkara ini dibenarkan dan dilaksanakan. sistem ini membolehkan pemantauan terhadap pemilih dilakukan secara maya.
- 15.3 Jika tidak dikehendaki, sistem ini boleh juga disetkan sedemikian.

16. Menjamin undi pos yang sah menerusi Sistem PRU

- 16.1 Undi pos adalah salah satu isu yang dipertikaikan setiap kali pilihanraya. Sebagaimana ciri yang telah dijelaskan, penggunaan sistem ini dapat memastikan bahawa undi pos dijalankan sebagaimana sepatutnya. sistem ini membolehkan dan memudahkan pihak yang berminat untuk memantau undi pos.
- 16.2 Undi pos sebenarnya boleh diserapkan ke dalam kategori baru, undi on-line jika menggunakan sistem ini.

17. Menangkis tohmahan terhadap SPR menerusi Sistem PRU

- 17.1 Mekanisma SPPR mampu menangkis berbagai dakwaan dan tohmahan negatif tanpa bukti terhadap SPR atau mana-mana pihak kerana mekanisma ini boleh terus mengetahui, menyemak, menentusahkan dan menyenaraikan termasuklah penama yang telah ditambah (baru dimasukkan ke dalam senarai) atau penama yang telah dibuang (baru

dikeluarkan dari senarai) atau pemilih yang telah dipindahkan ke tempat lain (di saat-saat akhir).

- 17.2 Maklumat ini dapat menentusahkan (mengelakkan) sebarang dakwaan berlakunya senarai yang digunakan SPR semasa pembuangan undi adalah berlainan dengan senarai awal yang telah diedarkan kepada parti politik, pemantau dan lain-lain. Dengan kata lain, mekanisma sistem ini dapat menjamin hanya satu senarai sah sahaja yang digunakan (iaitu yang telah diwartakan sahaja).
- 17.3 Sebarang cubaan untuk menggunakan senarai yang lain (tidak sah) boleh terus dikenalpasti secara automatik kerana senarai daripada sistem adalah senarai secara "Real-time" dan "On-line".

18. Kategori baru pemilih

- 18.1 Keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur baru-baru ini yang menolak permohonan 6 (enam) warga Malaysia yang menetap dan bekerja di United Kingdom dan mahukan SPR mendaftarkan mereka sebagai pengundi tidak hadir, boleh menimbulkan pertikaian mengenai keadilan kepada pemilih.
- 18.2 Kakitangan kerajaan yang bertugas di luar negara boleh didaftarkan sebagai pengundi tidak hadir tetapi kakitangan swasta yang bertugas di luar negara tidak boleh pula.
- 18.3 Terdapat perbezaan yang jelas antara
 - 18.3.1 tidak dibenarkan berdaftar sebagai pengundi tidak hadir.
 - 18.3.2 berdaftar sebagai pengundi tidak hadir tetapi SPR tidak akan menyediakan tempat mengundi di luar negara.
 - 18.3.2 berdaftar sebagai pengundi tidak hadir dan SPR terpaksa menyediakan empat mengundi di luar negara.
 - 18.3.2 berdaftar sebagai pengundi tidak hadir tetapi mereka mesti pergi sendiri ke tempat mengundi yang disediakan (misalnya di pejabat kedutaan).
- 18.4 Penyelesaian kepada masalah ini ialah dengan mewujudkan satu kategori baru pengundi, iaitu pengundi on-line.
- 18.5 Kategori pengundi on-line ini boleh menggantikan kategori undi pos (Undi pos diserapkan ke dalam undi on-line).
- 18.6 Pengundi on-line boleh diberikan katalaluan (password) masing-masing (dan mereka boleh menukarnya kemudian nanti) dan boleh mengundi menerusi laman web Sistem PRU. Serupalah juga seperti membuat transaksi wang melalui perbankan internet, mengeluarkan wang menerusi mesin ATM, dan sebagainya.
- 18.7 Ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pemilih di luar negara, tetapi juga di dalam negara. Misalnya, pemilih bekerja di Johor tetapi terpaksa balik ke Perlis hanya untuk mengundi. Secara tidak langsung, pendekatan ini akan dapat meningkatkan peratusan keluar mengundi kerana mereka boleh mengundi di mana-mana sahaja termasuk dari rumah sendiri.

19. Mengundi di kawasan masing-masing? Negara mundur?

- 19.1 Terdapat perbezaan besar antara “mengundi di kawasan masing-masing” dengan “mengundi untuk kawasan masing-masing”.
- 19.2 Penetapan tempat mengundi hanyalah sebagai pemudahcara untuk melancarkan proses pengundian. Misalnya mudah untuk semakan, ditakuti tidak sempat habis jika terlalu ramai mengundi di sesuat tempat mengundi, dan sebagainya.
- 19.3 Sebenarnya kaedah ini sudah ketinggalan zaman dan sesuai untuk negara mundur sahaja (seperti penggunaan dakwat). Malaysia bukan lagi negara mundur. Kita sedang bergerak ke arah negara maju, maka itu semua pihak mestilah ikut pergerakan ini.
- 19.4 Untuk melaksanakan undian on-line, tidak perlu disediakan tempat mengundi khusus untuk mereka (walau pun boleh dilakukan). Mereka boleh mengundi di rumah atau di pejabat masing-masing, di luar negara malah jika sedang berada di angkasa atau di bulan sekali pun.
- 19.5 Merujuk kepada program angkasawan negara (yang menelan belanja berjuta ringgit), heboh diperkatakan mengenai bagaimana hendak sembahyang di angkasa, di bulan. Kenapa pula tidak boleh “dipersiapkan” bagaimanakah hendak mengundi di bulan? Bukan sedikit wang rakyat yang telah dibelanjakan untuk program tersebut.
- 19.6 Undi pos. Merujuk kepada mengundi di tempat lain pada hari lain. Proses ini tidak menjamin bebas, adil dan telus.
- 19.7 Secara semulajadinya, secara autoatik undi pos boleh diserap ke dalam undi on-line, yang sudah terjamin lebih selamat dan boleh dijamin adil, bebas dan telus.
- 19.8 Wang berbilion ringgit boleh diurusniaga melalui on-line tanpa perlu menggunakan kertas pun, kenapakah pihak berkenaan terlalu takut untuk mengundi secara on-line? Hanya memilih calon sahaja? Tidak melibatkan transaksi wang walau satu sen pun?

20. Nombor siri dan kiraan semula

- 20.1 Setakat ini, SPR tetap mempertahankan penggunaan nombor siri pada kertas undi. Ini untuk memudahkan dan boleh disemak dengan buku kertas undi yang dikoyakkan.
- 20.2 Namun masih tidak dapat menjawab persoalan “bagaimanakah jika buku kertas undi tersebut dijadikan sebagai undi hantu?”
- 20.3 Secara mekanisma yang diamalkan sekarang, sudah tentu ianya tidak boleh untuk disemak dan disahkan. Ingat bahawa hanya boleh disemak kertas undi adalah daripada buku kertas undi tetapi tidak boleh pastikan buku kertas tersebut adalah yang digunakan untuk pengundi sah atau untuk undi hantu.
- 20.4 Dengan kata lain, boleh dibuktikan daripada buku tetapi BUKAN yang digunakan semasa mengundi.
- 20.5 Imbas kembali contoh yang pernah berlaku ketika pertandingan antara Tengku Razaleigh dan Dr Mahathir suatu ketika dahulu. Dibuat kiraan

semula kerana Dr. Mahathir telah kalah, kemudian lampu terpadam (blackout). Apabila dikira sekali lagi setelah lampu menyala, didapati Dr. Mahathir menang dengan 43 undi.

- 20.6 Jelas tidak boleh disemak dan disahkan tetapi dengan Sistem PRU, boleh disemak dan disahkan dengan mudah, cepat dan tepat.

21. Bukan untuk SPR sahaja

- 21.1 Segalan cadangan yang dikemukakan ini bukanlah hanya untuk kepentingan SPR sahaja, bukan hanya untuk kegunaan SPR sahaja tetapi juga mengambilkira kepentingan, keperluan dan kehendak semua pihak samada terlibat secara langsung dengan pilihanraya atau tidak.
- 21.2 Bagi rakyat yang belum mencapai umur kelayakan 21 tahun, walau pun mereka bukan pemilih, tetapi pendidikan mengenai hak sebagai pemilih boleh didedahkan lebih awal lagi. Malah, murid di sekolah rendah pun telah didedahkan dengan politik dan pilihanraya.
- 21.3 Setakat ini umum hanya didedahkan maklumat pemilih adalah untuk untuk SPR dan parti sahaja, bukan untuk rakyat. Apatah lagi rakyat yang tidak berparti. Parti dibenarkan untuk membeli senarai pemilih daripada SPR tetapi orang perseorangan (rakyat) tidak dibenarkan pula.
- 21.4 Jika bebas, adil dan telus, apakah yang hendak ditakutkan? Kenapakah hanya pihak tertentu sahaja yang dibenarkan untuk mendapatkan senarai pemilih? Penting diingat bahawa senarai pemilih tidak rahsia, yang rahsia adalah undi pemilih!
- 21.5 Kenapakah ketelusan diperlukan? Misalnya terdapat kesilapan atau maklumat pada parti yang menyebabkan kekeliruan dan kekacauan semasa mengundi. Misalnya, mengikut parti, Ali mengundi di tempat mengundi 01 tetapi mengikut SPR ia mengundi di tempat mengundi 04.
- 21.6 Ahli parti yang tidak berdaftar tetapi pergi juga mengundi dan membuat kecoh bila namanya tidak ada dalam senarai di tempat mengundi.
- 21.7 Masalah sebegini perlu diselesaikan diperingkat parti dan BUKAN dalam bidang kuasa SPR. SPR pula tidak sepatutnya menyelesaikannya bagi pihak parti (sebab itulah terdapat wakil parti yang dilantik sebagai PPP).
- 21.8 Tinjauan mendapati bahawa parti juga tidak mempunyai sistem yang boleh digunakan untuk tujuan itu. Melakukannya secara manual dan tradisional adalah mustahil bagi ahli parti yang ramai.
- 21.9. Sekarang ini semakan di laman web SPR boleh dilakukan hanya samada untuk diri sendiri dan yang tinggal bersama serumah dengannya.
- 21.10 Tidak semua mampu dan boleh semak di internet atau melalui sms ke SPR. Misalnya ketua jalan (lokaliti) hendak tahu siapa di jalannya yang mengundi. Jika ada orang luar yang gunakan alamat palsu, atau yang disyaki pengundi hantu, sudah tentu boleh terus dikenalpasti.
- 21.11 Mengambil contoh tindakan SPR mengedarkan senarai 42 ribu pemilih yang meragukan di seluruh negara. Persoalannya, bagaimanakah hendak disahkan? Siapakah yang akan menyemak dan mengesahkannya?

- 21.12 Rekod kematian dan kad pengenalan palsu boleh terus disemak dan disahkan.
- 21.13 Sebenarnya tidak perlu pun dikeluarkan daripada senarai SPR. Orang yang datang mengundi sudah tentu orang yang masih hidup lagi dan merupakan pemegang kad pengenalan yang sah. Jika dibenarkan bermakna berlaku penyelewengan dan kesalahan jenayah oleh pegawai yang menerima/membenarkannya. Boleh terus ditangkap serta-merta.
- 21.14 Jika rekod pemilih yang telah meninggal dunia (dan lain-lain yang dibatalkan) dikekalkan dalam pengkalan data, ini akan dapat menangkis berbagai isu dan pertikaian. Misalnya, apabila ada cubaan untuk menggunakan nombor kad pengenalan orang yang telah mati, sistem terus memberitahu bahawa pemilih tersebut telah pun meninggal dunia dan tidak layak mengundi.
- Begitu juga dengan pemilih yang telah keluar negara. Jika direkodkan sebagai beliau tidak dapat mengundi, maka sebarang cubaan untuk menggunakan nombor kad pengenalannya juga dapat dikenalpasti dan dibendung.

22. Buktikan cabaran SPR dan kerajaan

- 22.1 Seperti yang dilaporkan media, ramai pihak mengatakan bahawa "Jika PRU-12 tidak telus, masakan pembangkang boleh menang besar hingga menawan 5 negeri!", termasuklah oleh kerajaan Barisan Nasional melalui Perdana Menteri sendiri.
- 22.2 Namun apa yang menjadi persoalan ialah andian ini tidak pernah dibuktikan.
- 22.3 Malah kerajaan dan SPR juga tidak memberi penjelasan mengenai undi hantu (yang telah terbukti wujud) sebaliknya hanya membuat penafian kosong.
- 22.4 Antara alasan yang digunakan oleh SPR ialah semua kes yang dibawa ke mahkamah oleh pembangkang kalah. Kalah tidak bermakna tidak wujud undi hantu. Kalah mungkin sebab teknikal misalnya SPR tidak membawa dan membuktikan di mahkamah semua kertas undi yang dikeluarkan supaya boleh disemak dan disahkan.
- 22.5 Adalah soalan bodoh jika ditanya kenapakah pihak yang membantah tidak membawa kertas undi ke mahkamah? Namun menggunakan Sistem PRU, kertas undi tidak perlu pun dibawa ke mahkamah. Jika kertas telah dilupuskan pun rekod kertas undi tetap ada dalam Sistem PRU dan boleh digunakan sehingga bila-bila.
- 22.6 Ramai yang tahu tetapi ramai juga yang lupa mengenai cabaran sebelah pihak lagi, yang membuka hipotesis
"Jika PRU-12 adalah benar-benar bebas, adil dan telus mungkin pembangkang telah memenangi lebih banyak kerusi dan menjadi Perdana Menteri".
- 22.7 Dengan hanya perbezaan 5 (lima) kerusi sahaja di Semenanjung (BN 85 kerusi bukan BN 80 kerusi), jika benar-benar bebas, adil dan telus mungkin BN telah kalah teruk.

23. Memilih “wakil rakyat”, bukan “wakil parti”

- 23.1 Sudah sampai masanya perlu diperjelaskan kepada semua bahawa Kerajaan Malaysia adalah Kerajaan Parlimen dengan Raja Berperlembagaan.
- 23.2 PRU adalah untuk memilih “wakil rakyat”, bukan “wakil parti”.
- 23.3 Kerajaan Parlimen adalah dibentuk/ditubuhkan daripada semua wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya, bukan dipilih daripada sebahagian wakil rakyat.
- 23.4 Lain dengan Perdana Menteri, yang amalannya sehingga kini adalah dilantik daripada parti atau pakatan parti yang mempunyai bilangan kerusi majoriti. Dengan kata lain, Perdana Menteri adalah wakil parti, BUKAN wakil rakyat.
- 23.5 Bagi kerajaan yang dibentuk daripada wakil-wakil rakyat, sepatutnyalah Perdana Menteri dipilih secara demokrasi melalui undian oleh semua wakil rakyat.
- 23.6 Mungkinkah keputusan pemilih yang keluar mengundi jauh daripada mencapai 100 peratus adalah kerana terdapat segelintir mereka berpegang kepada hipotesis
“Perdana Menteri adalah wakil parti bukan wakil rakyat”.
- 23.7 Cadangkan pindaan perlembagaan jika perlu.
- 23.8 Dengan menggunakan Sistem PRU, boleh pemilihan Perdana Menteri pun boleh diserahkan kepada semua pemilih berdaftar semasa pengundian (secara tradisional menggunakan pen dan kertas) atau secara elektronik.

24. Penutup

- 24.1 Kerjasama dengan SPR amatlah diharapkan kerana semua data berkenaan pilihanraya adalah dibawah tanggungjawab SPR, tanggungjawab kerajaan yang memerintah, BUKAN di bawah tanggungjawab parti yang memerintah.
- 24.2 Namun demikian, pengendalian dan pemantauan pilihanraya adalah lebih baik jika dilibatkan pihak yang bebas dan berkecuali, atau pihak yang terdiri daripada wakil semua parti. Selagi semuanya dibawah SPR sahaja, amat sukar untuk menerima hipotesis pilihanraya akan dapat dilaksanakan secara bebas, adil dan telus, melainkan dengan menggunakan Sistem PRU yang dicadangkan.
- 24.3 Oleh yang demikian, kombinasi antara SPR dan Sistem PRU adalah merupakan yang terbaik buat masa ini. SPR mungkin boleh menyerahkan atau membenarkan mana-mana pihak untuk membuat pemantauan dengan menggunakan Sistem PRU. Ini bukan sahaja dapat meringankan beban SPR, malah dapat memanfaatkan berbagai pihak yang mengaku hendak memantau pilihanraya (yang selama ini dipertikaikan motifnya). Selain itu, ianya juga melengkapkan tiori “Check and Balance”.
- 24.4 Terdapat cadangan supaya pembersihan senarai pemilih diserahkan kepada MIMOS Berhad. Cabaran ini ditujukan khas kepada SPR. Jika ada pihak lain yang telah sedia ada sistem atau mekanisma sepertimana Sistem

PRU (yang dicadangkan dalam cadangan ini) barulah boleh diberi pertimbangan untuk diserahkan kepada pihak tersebut

- 24.5 Setakat yang penulis ketahui sehingga hari ini, MIMOS, SPR atau mana-mana pihak lain tidak mempunyai sistem sedemikian dan tidak mempunyai kepakaran untuk membangunkan sistem sedemikian.
- 24.6 Pilihan terbaik ialah terus menggunakan Sistem PRU yang telah siap dibangunkan (hanya memerlukan penyesuaian sahaja) dan telah sedia untuk terus digunakan.
- 24.7 Dalam jangka panjang, penggunaan mekanisma Sistem PRU membawa ke arah pengundian secara berelektronik dan boleh dilaksanakan secara berperingkat yang sudah tentunya dapat menjimatkan kos. Ini boleh dimulakan dengan pemilihan di peringkat parti.
- 24.8 Sebagaimana yang telah dilakukan oleh SPR selama ini, dengan adanya Sistem PRU, maka SPR mempunyai satu lagi bahan untuk dibawa keperingkat global dan menjadikan Malaysia sebagai satu lagi contoh dalam pengendalian pilihanraya yang adil, bebas dan telus. Tambahan pula mekanisma Sistem PRU ini adalah unik dan satu-satunya yang seumpamanya di dunia ketika ini.
- 24.9 Oleh kerana mekanisma Sistem PRU yang dicadangkan ini boleh menunjukkan, menyemak, menentusahkan dan membuktikan SPR dan PRU adalah bebas, adil dan telus dan kerana tidak ada pilihan sistem lain YANG TELAH SEDIA ADA, jika semua pihak benar-benar hendakkan SPR dan PRU yang bebas, adil dan telus maka mestilah menggunakan Sistem PRU ini.
- 24.10 Hipotesisnya, mana-mana pihak yang menentang atau tidak menerima cadangan yang dikemukakan ini sudah pasti mempunyai perkiraan, perancangan untuk kepentingan pihak tertentu yang tidak mahu SPR atau PRU adalah bebas, adil dan telus. Umpamanya kerana mereka hendak mengeksploitasi dan menggunakan undi hantu. Dengan kata lain kerana mereka hendak "mengundi hantu".
- 24.11 Akhirnya, jika keanggotaan SPR sedia ada tidak mampu untuk melaksanakan cadangan yang dikemukakan ini, maka bolehlah dicadangkan kepada DYMM Yang DiPertuan Agong untuk melantik keanggotaan yang baru yang dapat memastikan SPR dan PRU adalah bebas, adil dan telus.

...oOsekian, Terima kasihOo...

UNDI HANTU DI 141 KAWASAN PARLIMEN?

Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin

(Pengalisis bebas)

Walaupun pilihanraya umum ke-12 (PRU-12) pada 8 mac 2008 telah lebih dua bulan berlalu namun masih terdapat beberapa persoalan yang belum terjawab. Masih terdapat banyak maklumat yang boleh diperolehi dengan menggali, mengorek dan menterjemahkan data keputusan PRU-12. Masih banyak keputusan-keputusan analisis yang masih belum didedahkan kepada orang awam. Selain daripada untuk “menguji” ketelusan SPR, tulisan ini adalah juga untuk melaporkan salah satu analisis yang dibuat dengan menggunakan pendekatan secara ber matematik (teori nombor) bagi menjawab dan menentusahkan kebenaran beberapa dakwaan dan persoalan, misalnya, benarkah ada pengundi hantu?.

Analisis yang dibuat menggunakan data Keputusan Rasmi Pilihan Raya Umum ke-12 sebagaimana yang disiarkan dalam laman web SPR di www.spr.gov.my, serta yang disiarkan dalam media arus perdana.

Keputusan PRU-12 yang lalu telah memeranjatkan banyak pihak. Merujuk kepada jumlah kerusi yang dipertandingkan iaitu sebanyak 727 kerusi, BN masih menang majoriti dengan memperolehi 447 kerusi (dengan 307 DUN dan 140 Parlimen) manakala selebihnya adalah untuk bukan BN iaitu sebanyak 280 kerusi (dengan 198 DUN dan 82 Parlimen). Maklumat lanjut pecahan kerusi dan bilangan undi yang diperolehi oleh setiap parti adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual-1, beserta dengan perbandingan bilangan kerusi yang dimenangi oleh calon Melayu dan bukan Melayu.

KERUSI	PAS	DAP	PKR	BEBAS	BUKAN BN	BN	JUMLAH
DUN	83	73	40	2	198	307	505
(MELAYU)	(82)	(0)	(20)	(0)	(102)	(246)	(348)
(BUKAN M)	(1)	(73)	(20)	(2)	(96)	(61)	(157)
PENGUNDI	1,725,087	1,622,772	938,738	49,546	4,336,143	4,958,666	9,294,809
DIKELUAR	1,383,673	1,210,916	715,245	35,580	3,345,414	3,772,617	7,118,031
PEMENANG	763,810	755,323	400,773	17,151	1,937,057	2,468,840	4,168,902
PARLIMEN	23	28	31		82	140	222
(MELAYU)	(23)	(0)	(20)		(43)	(91)	(134)
(BUKAN M)	(0)	(28)	(11)	0	(39)	(49)	(88)
PENGUNDI	1,402,094	1,846,520	1,996,597		5,245,211	5,676,499	10,921,710
DIKELUAR	1,134,145	1,380,156	1,534,368		4,048,669	4,113,574	8,162,243
PEMENANG	622,447	873,586	816,278		2,312,311	2,468,840	4,781,151
JUMLAH	106	101	71	2	280	447	727
	(105)	(0)	(40)	(0)	(145)	(337)	(482)
	(1)	(101)	(31)	(2)	(135)	(110)	(245)
	3,127,181	3,469,292	2,935,335	49,546	9,581,354	10,635,165	20,216,519
	2,517,818	2,591,072	2,249,613	35,580	7,394,083	7,886,191	15,280,274
	1,386,257	1,628,909	1,217,051	17,151	4,249,368	4,700,685	8,950,053

Jadual-1: Kerusi yang dimenangi dan undi diperolehi oleh setiap parti

Bagi orang awam, mungkin tidak ada apa-apa yang peliknya data di atas, tetapi bagi seorang pakar matematik, dengan sekali imbas sahaja sudah tabu bahawa terdapat sesuatu yang “tidak kena” dengan data tersebut, yang boleh membuka hipotesis bahawa keputusan sebenar PRU-12 bukanlah sebagaimana yang telah diumumkan.

Merujuk kepada semua bilangan pemilih / pengundi berdaftar, sepatutnya sebanyak 20,216,519 undi (BUKAN pengundi) boleh dikumpulkan. Pecahan mengikut bangsa dengan ketepatan 87.49% ialah 10,553,902 undi Melayu dan 7,133,045 undi bukan Melayu (dengan 5,563,905 adalah undi Cina). Hanya 15,280,274 undi sahaja yang telah dikeluarkan. Secara

umumnya, ramai yang menerima kekurangan ini adalah kerana terdapat pengundi yang tidak keluar mengundi. Namun, adakah anggapan ini seratus peratus (100%) benar?

Ini kerana secara matematikanya corak nombor yang dipaparkan dalam Jadual-1 menimbulkan tandatanya apabila jumlah undi yang telah dikeluarkan untuk Parlimen ialah sebanyak 8,162,243 sedangkan jumlah undi untuk DUN pula hanyalah 7,118,031, iaitu kurang sebanyak 1,044,212 undi! Perbezaan lebih sejuta undi ini bukan satu bilangan yang sedikit. Undi Parlimen telah bertambah sebanyak 14.67% berbanding undi DUN.

Ada dakwaan yang mengatakan perbezaan ini ialah kerana terdapatnya kawasan yang menang tanpa bertanding. Soalan yang sama boleh dikemukakan, adakah dakwaan ini seratus peratus benar? Penulis juga telah dimaklumkan oleh berbagai pihak bahawa apalah pentingnya sangat perbezaan tersebut kerana ia tidak memberi apa-apa makna. Penulis tidak mempedulikannya sekiranya kenyataan tersebut datangnya daripada orang awam, tetapi bagaimana jika datangnya daripada pemimpin tertinggi parti?

Bagi mengorek lebih lanjut untuk mendapatkan penjelasan logiknya, penulis tertarik dengan teorem yang biasanya digunakan dalam kajian ruang vektor (*vector space*) iaitu hubungan yang bersandar secara linear (*Linearly Dependant*) atau tidak (*Linearly Independent*). Hubungan antara undi Parlimen dan undi DUN adalah bersandar secara linear. Ini bermakna, tidak ada perbezaan antara keduanya (iaitu beza sifar).

Ini merumuskan bahawa dalam dunia nyata, terdapat orang awam yang tidak tahu (sehingga diberitahu) betapa pentingnya perbezaan antara undi DUN dan Parlimen tersebut kerana sebarang perbezaan yang tidak dibenarkan boleh memberikan implikasi bahawa data atau bilangan undi tersebut adalah palsu atau tidak sah. Sebarang perisytiharan kemenangan calon berdasarkan bilangan undi palsu atau yang tidak sah sudah tentu boleh dipertikaikan dan menjadikannya sebagai tidak sah.

Undi yang rosak atau undi yang ditolak tidak mempengaruhi kesahihan kiraan undi, dan secara langsung tidak mempengaruhi keputusan pilihanraya kerana bilangannya telah diambil kira. Persoalan yang boleh ditimbulkan misalnya adalah bagaimanakah boleh terdapat sebegitu banyak undi rosak? Merujuk kepada Jadual-2, jumlah undi yang dikira sebagai rosak atau ditolak ialah sebanyak 324,393 undi yang dikesan terdapat dalam 715 daripada 727 kerusi yang dipertandingkan.

KERUSI	PAS	DAP	PKR	BEBAS	BUKAN BN	BN	JUMLAH
DUN (UNDI)	82 (20,820)	73 (21,139)	40 (14,060)	2 (2,103)	197 (58,122)	255 (89,731)	501 / 505 (147,853)
PARLIMEN (UNDI)	18 (18,850)	28 (24,397)	31 (32,280)	0	82 (75,527)	122 (101,01)	214 / 202 (176,540)
JUMLAH	105 (39,670)	101 (45,536)	71 (46,340)	2 (2,103)	279 (133,649)	436 (190,74)	715 / 727 (324,393)

Jadual-2: Jumlah bilangan undi rosak atau ditolak.

Undi rosak di Malaysia Barat ialah 288,213 manakala bagi Malaysia Timur pula ialah sebanyak 36,180.

Sebaliknya, undi yang tidak dikembalikan atau undi hilang boleh mempengaruhi kesahihan keputusan pilihanraya. Merujuk kepada Jadual-3, jumlah undi hilang ialah sebanyak 76,355 undi yang dikesan di 630 kerusi. Tanpa mempertikaikan dari segi istilah, undi "hilang" ini merujuk kepada kertas undi yang telah dikeluarkan di bilik atau tempat mengundi tetapi telah "tidak dikembalikan". Cakap mudahnya, telah hilanglah!

Amalan sekarang membenarkan kiraan undi diteruskan walaupun terdapat undi hilang, tetapi mesti diberhentikan sekiranya undi bertambah. Apabila disedari bilangan kertas undi yang dikira telah melebihi bilangan yang dikeluarkan, maka kiraan undi mesti diberhentikan.

KERUSI	PAS	DAP	PKR	BEBAS	BUKAN BN	BN	JUMLAH
DUN (UNDI)	74 (6,330)	64 (4,081)	36 (3,202)	2 (69)	176 (13,682)	255 (19,741)	431 / 505 (33,423)
PARLIMEN (UNDI)	21 (4,221)	28 (6,036)	28 (9,690)	0	77 (19,947)	122 (22,985)	199 / 202 (42,932)
JUMLAH	95 (10,551)	92 (10,117)	64 (12,892)	2 (69)	253 (33,629)	377 (42,726)	630 / 727 (76,355)

Jadual-3: Jumlah bilangan undi hilang

Disinilah kredibiliti, integriti, kewibawaan, amanah dan ketelusan SPR diuji dan dipertikaikan. Ini kerana menurut Seksyen 3.1(h) Akta 5 (AKTA KESALAHAN PILIRANRAYA 1954), kertas undi tidak boleh dibawa keluar dari tempat atau bilik mengundi kecuali oleh seseorang yang diberi kuasa melakukannya. Begitu juga jika memiliki sesuatu kertas undi di luar sesuatu tempat mengundi. Jika disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

Maka apabila terdapat undi hilang, jelas telah berlaku pelanggaran seksyen ini tetapi penulis tidak pula mendengar sesiapa pun disabitkan dengan kesalahan ini. Petugas, ejen atau pegawai pilihanraya pula memastikan kertas undi dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam peti undi lutsinar (tembus cahaya) yang diletakkan di tengah bilik atau tempat mengundi. Anggota polis juga di tempat di setiap tempat mengundi. Pemerhati dan wakil parti juga berada di tempat mengundi membuat semakan dan pemantauan.

Sebelum seseorang itu dilantik sebagai ejen pilihanraya, mereka diwajibkan menghadiri kursus tertentu dan ini menyangkal sebarang dakwaan yang mengatakan mereka tidak mengetahui akan peraturan dan undang-undang pilihanraya. Semua fakta ini menunjukkan bahawa adalah mustahil untuk membawa keluar kertas undi secara tidak sah tanpa disedari. Dengan kata lain mustahil kertas undi boleh hilang tanpa diketahui, tetapi 76,355 kertas undi telah hilang juga!

Sebagai contoh, BN menang di P068-N36 Pengkalan Baharu, Bruas, Perak dengan majoriti 14 undi sahaja daripada 11,108 undi yang telah dikeluarkan, tetapi terdapat 38 undi hilang.

Di Lumut Perak, corak yang sama pada PRU-11 berulang lagi dimana calon BN, Kong Cho Ha menang majoriti hanya 298 undi daripada 55,930 undi yang dikeluarkan, mengalahkan calon PKR Suwardi bin Sapuan. Persoalannya, adakah terdapat kemungkinan sepatutnya calon PKR yang menang kerana terdapat 2,948 undi hilang (atau 4,832 undi jika dicampur dengan undi rosak)? 989.26% undi hilang berbanding majoriti menang adalah sesuatu yang amat sukar untuk diterima!

Kawasan lain yang seumpamanya termasuklah Sik, Jeneri, Tanjong Dawai, Hulu Selangor, Seri Serdang, Wangsa Maju, Kota Kinabalu dan Sarikei.

Bagi pengundi yang tidak mahu mengundi tetapi kertas undi telah diambil, ia boleh memilih untuk merosakkannya atau tidak memangkahnya, tetapi kertas undi tersebut tetap mesti juga dimasukkan ke dalam peti undi. Jadi ini menimbulkan banyak tandatanya dan persoalan bagaimanakah boleh kertas undi hilang?

Begitu juga persoalannya dengan undi hantu. Ulang, undi hantu BUKAN pengundi hantu. Kesilapan selama ini ialah kerana umum menggunakan istilah pengundi hantu dalam membuat dakwaan dan sebagainya. Adalah sesuatu yang amat sukar untuk membuktikan kewujudan pengundi hantu, kerana mesti dibawa orang yang telah menjadi pengundi hantu tersebut!

Merujuk kepada kes seseorang yang berumur belasan tahun dan dibenarkan mengundi, undi beliau tidak boleh dikategorikan sebagai undi hantu, tetapi sebagai undi yang ditolak. Telah diketahui orangnya, dan telah diketahui undinya, malah undinya juga tidak hilang. Tidak ada yang menjadi “hantu”.

Disinilah penulis menggunakan pendekatan yang banyak digunakan dalam penyelesaian masalah matematik, iaitu “hendak cari pengundi hantu, jangan cari pengundi hantu”. Dalam Bahasa Melayu, istilah hantu dirujuk kepada apa-apa yang bertentangan, melawan atau ingkar kepada Tuhan. Sebab itulah diistilahkan han-tu sebagai kebalikan daripada tu-han. Sebab itulah juga perkataan hantu dirujuk kepada sesuatu yang bersifat negatif dan tidak nampak.

Sebagaimana yang telah dibuktikan dalam kes-kes terdahulu, untuk membuktikan pengundi hantu adalah sesuatu yang amat sukar kerana ianya “tidak nampak”, tetapi dengan kaedah matematik, “undi hantu” boleh boleh dibuktikan. Undi hantu boleh datang daripada berbagai cara dan sumber, termasuklah daripada pengundi hantu. Namun itu bukan persoalannya, yang menjadi fokus adalah undi hantu, bukan pengundi hantu.

Sebahagian besar masyarakat menerima dakwaan bahawa hanya orang-orang tertentu sahaja yang boleh nampak hantu. Begitulah juga, tidak semua orang mengetahui kewujudan undi hantu. Untuk membuktikan kewujudan undi hantu bukanlah perkara yang sukar, malah murid sekolah rendah pun boleh melakukannya!

Oleh kerana undi Parlimen dan DUN adalah “*Linearly Dependant*”, maka sepatutnya tidak ada perbezaan antara keduanya (iaitu beza sifar). Setiap pengundi (pemilih) diberikan dua kertas undi iaitu satu untuk DUN dan satu lagi untuk Parlimen, bermakna jumlah kertas undi untuk semua DUN mestilah sama dengan jumlah kertas undi untuk Parlimen (beza sifar).

Sebarang perbezaan antara setiap kawasan Parlimen dengan kawasan-kawasan DUN di Parlimen tersebut (kecuali bagi Parlimen yang tidak ada DUN atau yang menang tanpa bertanding) adalah merupakan undi hantu. Undi hilang juga boleh menjadi undi hantu kerana ia akan menafikan beza sifar. Merujuk kepada Jadual-4, adalah dianggarkan terdapat sebanyak 59,653 undi hantu yang telah dikesan di 141 kerusi Parlimen.

	PAS	DAP	PKR	BEBAS	BUKAN BN	BN	JUMLAH
KERUSI	19	20	24	0	63	78	141 / 222
JUMLAH PENGUNDI PARLIMEN	1,201,784	1,348,994	1,585,738	0	4,136,516	3,588,913	7,725,429
UNDI PARLIMEN DIKELUAR	978,998	1,019,779	1,224,062	0	3,222,839	2,744,664	5,967,503
UNDI DUN DIKELUAR	965,746	1,019,965	1,201,585	0	3,187,296	2,732,990	5,920,286
<i>(Perbezaan undi Parlimen dengan DUN boleh bertambah atau berkurang)</i>							
UNDI HANTU	13,318	1,856	24,769	0	39,943	19,710	59,653

Jadual-4: Anggaran jumlah bilangan undi hantu.

Undi hantu boleh digunakan untuk memenangkan atau mengalahkan seseorang calon dengan cara menambah atau mengurangkan bilangan undi calon tersebut disamping menggunakan teknik tipu-hela (seperti pemain silapmata). Majoriti undi hantu sebanyak 39,943 undi (bersamaan dengan 66.96%) dikesan dikawasan yang calon bukan BN menang. Kajian lanjut boleh dilakukan bagi menjawab persoalan samada undi hantu digunakan untuk memenangkan calon BN atau sebaliknya.

Contoh kerusi yang dimenangi oleh Karpal Singh adalah sesuatu yang menarik kerana disebalik kelantangan beliau dalam berbagai isu lain, jelas beliau membisu mengenai undi hantu kawasanya. Kertas undi yang telah dikeluarkan bagi kerusi Parlimen beliau (P051) ialah sebanyak 50,553 undi tetapi kertas undi yang telah dikeluarkan bagi DUN beliau (N32, N33 dan N34) ialah sebanyak 50,007 undi sahaja. Ini menimbulkan kewujudan undi hantu sebanyak 546 undi.

Satu lagi fakta yang menarik bagi kawasan Karpal Singh ialah undi hilang. 581 undi hilang dikesan bagi kerusi beliau sedangkan hanya 32 undi hilang sahaja yang dikesan di semua DUN beliau. Ini adalah sesuatu yang diluar jangkaan dan amat sukar untuk diterima kerana orang yang sama mengundi pada masa yang sama memasukkan kedua-dua kertas undi ke dalam peti undi di bilik atau tempat yang sama tetapi perbezaan kertas undi hilang yang amat besar, iaitu pertambahan melebihi 1,815.63 % (melebihi seribu lapan ratus peratus!). Apakah sebenarnya yang telah berlaku?

Hipotesis fenomena undi yang sengaja "dihantukan" juga perlu dijelaskan bagi menjamin ketelusan SPR. Misalnya terdapat undi bagi kerusi P20 dan P109 telah "dihantukan". Bagi P020-N05 Kijang, calon daripada PAS Wan Ubaidah binti Omar telah menang tanpa bertanding bagi kerusi DUN, tetapi tidak dinyatakan (dalam laman web rasmi SPR atau lain-lain media) bilangan kertas undi yang telah dikeluarkan untuk kerusi Parlimen P020 bagi DUN ini. Begitu juga dengan P109N43 Sementa yang dimenangi tanpa bertanding oleh calon BN, Abd Rahman bin Palil. Beliau adalah satu-satunya calon BN yang menang di antara lima kerusi P109 tersebut.

Begitu juga dengan hipotesis undi hantu yang "diputihkan". Undi hantu boleh diputihkan (menjadi undi sah dan bukan lagi undi hantu) sekiranya ianya "dinyatakan" sebagai undi yang telah dikeluarkan secara sah. Bilangan sebenar undi hantu hanya boleh diketahui jika rekod bilangan kertas undi yang telah dikeluarkan secara sah dan bilangan pengundi/pemilih yang mengambilnya diketahui dan dibuat perbandingan. Maklumat ini hanya ada dan boleh dikeluarkan oleh SPR sahaja.

Ketiadaan maklumat ini menyebabkan hipotesis bahawa sebenarnya terdapat lebih banyak undi hantu tidak dapat untuk dibuktikan sebagai tidak benar.

Berbeza dengan amalan pada PRU sebelumnya, dalam PRU-12 kertas undi yang dikeluarkan "tidak ditanda". Ini membolehkan mana-mana kertas undi menjadi "hantu". Sebelum PRU-12, jika sesuatu kertas undi itu disyaki menjadi undi hantu, maka mudah untuk dibuktikan benar atau tidak dengan menyemak siapakah pengundinya.

Memang undi adalah rahsia, tetapi rahsia tidak bermakna tidak ada sesiapa yang boleh mengetahuinya. Rahsia bagi orang awam, tetapi tidak rahsia bagi pihak berkuasa, atau ketika siasatan dilakukan, bagi petugas kiraan undi, dan sebagainya. Sebagai seorang pengundi berdaftar, penulis sendiri berasa "diperbodohkan" apabila cadangan menggunakan dakwat sebagai penanda seseorang itu telah mengundi dibatalkan hanya kerana terdapat dakwaan "ada orang akan mensabotajnya". Sebaliknya, penandaan pada kertas undi juga dibatalkan kerana penandaan tersebut dapat mengelakkan kewujudan undi hantu. Dengan kata lain, SPR membatalkan penandaan supaya undi hantu boleh diwujudkan dengan mudah tanpa dapat dikesan!

Penulis masih menunggu dan mencari dalam laporan media sebarang penjelasan daripada mana-mana pihak mengenai undi hilang dan undi hantu ini tetapi masih tidak terjumpa dan seolah-olah semua pihak membisu dan mendiamkan diri. Malah penulis diberikan tekanan supaya menutup "kes" ini. Tindakan penulis membuat laporan polis kerana pelanggaran seksyen 3.1.(h) adalah merupakan suatu kesalahan jenayah, juga tidak disenangi oleh berbagai pihak. Oleh yang demikian, amatlah diharap agar pihak yang berkenaan dan SPR khususnya dapat memberikan penjelasan yang munasabah yang disertakan dengan bukti dan fakta. Tanpanya, sebarang hujah, alasan dan penjelasan yang diberikan tetap membenarkan hipotesis bahawa SPR tidaklah setelus sebagaimana yang didakwa. Adakah perlu diadakan pilihanraya semula bagi kesemua 141 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen, yang dikesan terdapat 136,008 undi hantu?

AKTA KESALAHAN PILIHANRAYA 1954 (AKTA 5)

Seksyen 3.1(h)

Seseorang yang tanpa kuasa yang sepatutnya membawa keluar dari tempat mengundi sesuatu kertas undi atau didapati ada memiliki sesuatu kertas undi di luar sesuatu tempat mengundi; boleh apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya dan, tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan sesuatu pilihanraya, ia tidaklah berkebolehan untuk didaftar atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau untuk mengundi dalam mana-mana pilihanraya atau untuk dipilih dalam mana-mana pilihanraya sehingga tamat lima tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh itu ia telah pun dipilih dalam sesuatu pilihanraya, maka kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu.

Seksyen 6.2

Tiap-tiap kesalahan di bawah Bahagian ini adalah suatu kesalahan yang boleh ditangkap dalam erti Kanun Acara Jenayah (Akta 593).



POLIS DIRAJA MALAYSIA

REPOT POLIS

019-7323116

T. HAZIZ

013-3924942

Balai : SKUDAI
Daerah : J/BAHRU UTARA
Kontinjen : JOHOR
No Repot : KPULAI/001880/08
Tarikh : 16/05/2008
Waktu : 1013 AM
Bahasa Diterima : B. Malaysia

SALINAN YANG DIAKUI SAH
TIDAK BOLEH DIGUNAKAN UNTUK
TUNTUTAN PERBICARAAN DIMAHKAMAH

HP
.....
KETUA POLIS BALAI SKUDAI
b.p: KETUA POLIS DAERAH
JOHOR BAHRU UTARA

JOHOR
Pangkat : L/KPL

Butir-butir Penerima Repot

Nama : RUSLIN B MOHD SIDIK
Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada)

No Personel : R139528

Nama : —
No Pasport : —
Alamat : —

No K/P (Baru) : —
Bahasa Asal : —
No Polis/Tentera : —

Butir-butir Pengadu

Nama : ABDUL HAMID BIN YEOP ZAINUDDIN

No K/P (Baru) : 610810086167

No Polis/Tentera : —

No Pasport : —

No Sijil Beranak : —

Jantina : Lelaki

Tarikh Lahir : 10/08/1961

Umur : 46 tahun 9 bulan

Keturunan : Melayu

Warganegara : Malaysia

Pekerjaan : SENDIRI

Alamat Tempat Tinggal : 41 JALAN MERANTI 19, TAMAN SRI PULAI, 81110 KANGKAR PULAI, JOHOR.

Alamat Ibu/Bapa : —

Alamat Pejabat : —

No Tel (Rumah) : 07-5201460

No Tel (Pejabat) : —

No Tel (HP) : 019-7791967

Pengadu Menyatakan:-

(LAPORAN DIBUAT OLEH PENGADU SENDIRI)



SAYA, ABDUL HAMID BIN YEOP ZAINUDDIN NOMBOR KAD PENGENALAN 610810-08-6167 TINGGAL DI ALAMAT 41 JALAN MERANTI 19, TAMAN SRI PULAI, 81110 KANGKAR PULAI, JOHOR DATANG SENDIRI KE BALAI UNTUK MEMBUAT LAPORAN INI. SAYA MENDAPAT MAKLUMAT BAHAWA DALAM PILIHANRAYA UMUM KE-12 PADA 8 MAC 2008 YANG LALU, TERDAPAT LEBIH KURANG 324,393 UNDI ROSAK/DITOLAK (BAGI 715 KERUSI IAITU 501 DUN DAN 214 PARLIMEN), 76,355 UNDI YANG TIDAK DIKEMBALIKAN / HILANG (BAGI 630 KERUSI IAITU 431 DUN DAN 199 PARLIMEN) DAN 59,653 UNDI HANTU (BAGI 141 KERUSI PARLIMEN). UNDI HANTU YANG DIMAKSUDKAN IALAH MERUJUK KEPADA KERTAS UNDI ATAU KIRAAN YANG MENYEBABKAN BILANGAN UNDI YANG DIKIRA MENJADI BERTAMBAH ATAU BERKURANG BAGI SESUATU KAWASAN DUN ATAU PARLIMEN. OLEH KERANA SETIAP PENGUNDI DIBERI 2 HELAI KERTAS UNDI (KECUALI BAGI KAWASAN YANG TIDAK ADA DUN ATAU YANG MENANG TANPA BERTANDING) IAITU SEHELAI BAGI DUN DAN SEHELAI LAGI BAGI PARLIMEN, MAKA SECARA MATEMATIKNYA, SEPATUTNYA JUMLAH BILANGAN UNDI BAGI SESUATU KERUSI PARLIMEN MESTILAH SAMA DENGAN JUMLAH BILANGAN UNDI BAGI KESEMUA DUNNYA. SEMUA UNDI YANG HILANG DAN UNDI HANTU BERJUMLAH 136,008 UNDI INI JELAS TELAH MENUNJUKKAN / MEMBUKTIKAN BERLAKUNYA PELANGGARAN SEKSYEN 3.1(H) AKTA 5 (AKTA KESALAHAN PILIHANRAYA 1954) YANG MEMBAWA MAKSUD BAHAWA SEMUA KERTAS UNDI TIDAK BOLEH DIBAWA KELUAR DARI TEMPAT / BILIK MENGUNDI KECUALI OLEH SESEORANG YANG DIBERI KUASA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN. MENGAMBIL KIRA FAKTOR KERTAS UNDI YANG DIKELUARKAN DI TEMPAT/BILIK MENGUNDI ADALAH DIREKODKAN, PETI UNDI DILETAKKAN DI TENGAH BILIK MENGUNDI DENGAN PETI YANG TELUS CAHAYA (LUTSINAR) SUPAYA PETUGAS DAN PEMERHATI DAPAT MEMASTIKAN DAN MELIHAT DENGAN JELAS KERTAS UNDI DIMASUKKAN KE DALAMNYA, POLIS JUGA DITUGASKAN DI TEMPAT MENGUNDI; MAKA ADALAH SESUATU YANG MUSTAHIL KERTAS UNDI BOLEH KELUAR DENGAN CARA YANG TIDAK SAH ATAU SECARA YANG BERTENTANGAN DENGAN SEKSYEN 3.1(H) AKTA 5. BAGI PENGUNDI YANG MEMILIH UNTUK TIDAK MENGUNDI, MEREKA MESTI MEMASUKKAN KERTAS

UNDI KE DALAM PETI UNDI SECARA TIDAK MEMANGKAHNYA ATAU DENGAN MEROSAKKAN UNDI, NAMUN BILANGAN KERTAS UNDI TETAP TIDAK BERUBAH. OLEH KERANA TERDAPAT KERAGUAN YANG MUNASABAH BAHAWA 136,008 KERTAS UNDI YANG TELAH HILANG ATAU DIBAWA KELUAR ATAU DIBAWA MASUK ATAU ATAS SEBAB-SEBAB LAIN DILAKUKAN OLEH ORANG (MANUSIA) KERANA ADALAH SESUATU YANG MUSTAHIL KERTAS UNDI BOLEH HILANG DENGAN SENDIRINYA; MAKA JELAS BERLAKU PELANGGARAN SEKSYEN 3.1(H) AKTA 5. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, ORANG YANG BERKENAAN DISYAKI TELAH MELAKUKAN KESALAHAN DI BAWAH AKTA 5 DAN SAYA MEMBUAT LAPORAN POLIS INI SUPAYA PIHAK POLIS, SPR DAN BPR DAPAT MELAKUKAN SIASATAN DAN MENGAMBIL TINDAKAN SELANJUTNYA. SAYA BERSEDIA MEMBANTU DAN SAYA MEMPUNYAI FORMULA, CARA, KAEDAH DAN KEPAKARAN SUPAYA KEJADIAN UNDI HILANG DAN UNDI HANTU INI DAPAT DIATASI PADA MANA-MANA PILIHANRAYA YANG AKAN DATANG.

Tandatangan Pengadu:

Tandatangan Jurubahasa(Jika ada) :

Tandatangan Penerima Repot:



Salinan Repot Pertama

KETUA PEJ PERTANYAAN
BALAI POLIS SKUDAI
81300 SKUDAI J/B

UNDI HANTU – P036 – KUALA TERENGGANU

Negeri: TERENGGANU Kerusi: (SEMUA) Parti: (SEMUA) Bangsa: (SEMUA) P: 36 N:

Semakan undi Parlimen-DUN 1-kut nombor kawasan (Jangan tapis apa-apa)

Tapis Calon=

Individu Kotak O.K. Dah Reset Kiraan Kiraan2 Senaraikan Add New Record

No.	KERUSI	KAWASAN	PARTI	CALON MENANG	JUMLAH PENGUNDI PARLIMEN	JUMLAH PENGUNDI DUN	PERBEZAAN JUMLAH PENGUNDI	UNDI PARLIMEN DIKELUAR	UNDI DUN DIKELUAR	PERBEZAAN UNDI DIKELUAR
1	P036	KUALA TERENGGANU BH	BN	RAZALI BIN ISMAIL	80325	80325	0	66231	66171	60
2	P036-N13	WAKAF MEMPELAM	PAS	MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT	20573	20573	0	17277	17277	0
3	P036-N14	BANDAR	BN	TOH CHIN YAW	18953	18953	0	14765	14765	0
4	P036-N15	LADANG	PAS	TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR	16777	16777	0	13701	13701	0
5	P036-N16	BATU BURUK	PAS	SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI	24022	24022	0	20428	20428	0

P036 : KUALA TERENGGANU, TERENGGANU (80,325)

NO.	Nama calon	No.K/P	Talipon	Bangsa	Parti	Undi	Peratus	Status
1	RAZALI BIN ISMAIL			M	BN	32,562	49.16 %	MNG
2	MAIMUN BINTI YUSUF			M	BEBAS	685	1.03 %	HD
3	MOHAMAD BIN SABU			M	PAS	31,934	48.22 %	
4						0	0.00 %	
Jumlah undi calon :						65,181	98.41 %	
Kertas undi ditolak (rosak) :						931	1.41 %	
Kertas undi dikira :						66,112	99.82 %	
Kertas undi dikeluarkan :						66,231	82.45 %	
Perbezaan bilangan kertas undi :						119	0.18 %	
Kertas undi tidak dikembalikan (hilang) :						119	0.18 %	
Jumlah kertas undi rosak dan hilang :						1,050	1.59 %	
Majoriti menang :						628	0.95 %	
JUMLAH PENGUNDI/PEMILIH :						80,325		

PEMENANG: RAZALI BIN ISMAIL M BN

PECAHAN PEMILIH/PENGUNDI

Jumlah pemilih/pengundi	Pengundi Melayu	Pengundi Cina	Pengundi India	Pengundi Bumi Sabah	Pengundi Bumi Sarawak	Lain-lain pengundi
80,325	70,798	8,788	522	0	0	217
	88.14 %	10.94 %	0.65 %	0.00 %	0.00 %	0.27 %

P036-N13 : WAKAF MEMPELAM, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU (20,573)								
NO.	Nama calon	No.K/P	Talipon	Bangsa	Parti	Undi	Peratus	Status
1	OTHMAN BIN AWANG			M	BN	7,452	43.13 %	
2	MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT			M	PAS	9,645	55.83 %	MNG
3						0	0.00 %	
4						0	0.00 %	
Jumlah undi calon :						17,097	98.96 %	
Kertas undi ditolak (rosak) :						156	0.90 %	
Kertas undi dikira :						17,253	99.86 %	
Kertas undi dikeluarkan :						17,277	83.98 %	
Perbezaan bilangan kertas undi :						24	0.14 %	
Kertas undi tidak dikembalikan (hilang) :						24	0.14 %	
Jumlah kertas undi rosak dan hilang :						180	1.04 %	
Majoriti menang :						2,193	12.69 %	
JUMLAH PENGUNDI/PEMILIH :						20,573		

PEMENANG: MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT M PAS

PECAHAN PEMILIH/PENGUNDI						
Jumlah pemilih/pengundi	Pengundi Melayu	Pengundi Cina	Pengundi India	Pengundi Bumi Sabah	Pengundi Bumi Sarawak	Lain-lain pengundi
20,573	20,435	88	14	0	0	31
	99.33 %	0.43 %	0.07 %	0.00 %	0.00 %	0.15 %

P036-N14 : BANDAR, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU (18,953)								
NO.	Nama calon	No.K/P	Talipon	Bangsa	Parti	Undi	Peratus	Status
1	ABDUL MANAF BIN CHE MAT			M	PKR	6,689	45.30 %	
2	TOH CHIN YAW			C	BN	7,831	53.04 %	MNG
3						0	0.00 %	
4						0	0.00 %	
Jumlah undi calon :						14,520	98.34 %	
Kertas undi ditolak (rosak) :						231	1.56 %	
Kertas undi dikira :						14,751	99.91 %	
Kertas undi dikeluarkan :						14,765	77.90 %	
Perbezaan bilangan kertas undi :						14	0.09 %	
Kertas undi tidak dikembalikan (hilang) :						14	0.09 %	
Jumlah kertas undi rosak dan hilang :						245	1.66 %	
Majoriti menang :						1,142	7.73 %	
JUMLAH PENGUNDI/PEMILIH :						18,953		

PEMENANG: TOH CHIN YAW C BN

PECAHAN PEMILIH/PENGUNDI						
Jumlah pemilih/pengundi	Pengundi Melayu	Pengundi Cina	Pengundi India	Pengundi Bumi Sabah	Pengundi Bumi Sarawak	Lain-lain pengundi
18,953	11,450	7,202	235	0	0	59
	60.41 %	38.00 %	1.24 %	0.00 %	0.00 %	0.31 %

P036-N15 : LADANG, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU (16,777)								
NO.	Nama calon	No. K/P	Talipon	Bangsa	Parti	Undi	Peratus	Status
1	WAN HISHAM BIN WAN SALLEH			M	BN	6,692	48.84 %	
2	TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR			M	PAS	6,723	49.07 %	MNG
3						0	0.00 %	
4						0	0.00 %	
Jumlah undi calon :						13,415	97.91 %	
Kertas undi ditolak (rosak) :						285	2.08 %	
Kertas undi dikira :						13,700	99.99 %	
Kertas undi dikeluarkan :						13,701	81.67 %	
Perbezaan bilangan kertas undi :						1	0.01 %	
Kertas undi tidak dikembalikan (hilang) :						1	0.01 %	
Jumlah kertas undi rosak dan hilang :						286	2.09 %	
Majoriti menang:						31	0.23 %	
JUMLAH PENGUNDI/PEMILIH:						16,777		

PEMENANG: TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR M. PAS

PECAHAN PEMILIH/PENGUNDI						
Jumlah pemilih/pengundi	Pengundi Melayu	Pengundi Cina	Pengundi India	Pengundi Bumi Sabah	Pengundi Bumi Sarawak	Lain-lain pengundi
16,777	15,363	1,141	190	0	0	72
	91.57 %	6.80 %	1.13 %	0.00 %	0.00 %	0.43 %

P036-N16 : BATU BURUK, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU (24,022)								
NO.	Nama calon	No. K/P	Talipon	Bangsa	Parti	Undi	Peratus	Status
1	NORDIANA BINTI SHAFIE			M	BN	9,511	46.56 %	
2	SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI			M	PAS	10,672	52.24 %	MNG
3						0	0.00 %	
4						0	0.00 %	
Jumlah undi calon :						20,183	98.80 %	
Kertas undi ditolak (rosak) :						212	1.04 %	
Kertas undi dikira :						20,395	99.84 %	
Kertas undi dikeluarkan :						20,428	85.04 %	
Perbezaan bilangan kertas undi :						33	0.16 %	
Kertas undi tidak dikembalikan (hilang) :						33	0.16 %	
Jumlah kertas undi rosak dan hilang :						245	1.20 %	
Majoriti menang:						1,161	5.68 %	
JUMLAH PENGUNDI/PEMILIH:						24,022		

PEMENANG: SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI M. PAS

PECAHAN PEMILIH/PENGUNDI						
Jumlah pemilih/pengundi	Pengundi Melayu	Pengundi Cina	Pengundi India	Pengundi Bumi Sabah	Pengundi Bumi Sarawak	Lain-lain pengundi
24,022	23,542	339	84	0	0	50
	98.00 %	1.41 %	0.35 %	0.00 %	0.00 %	0.21 %

Kertas Kerja

Cadangan Penambahbaikan SURUHANJAYA PILIHANRAYA

2 Ogos 2011

Oleh

Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin

41, Jalan Meranti 19, Taman Sri Pulai,

81110 Kangkar Pulai, Johor.

Tel: 019-7791967, E-mel: ahamidy@hotmai.com

"Jika wang berjuta-juta ringgit dipindahkan menggunakan perbankan internet boleh dipercayai, kenapakah undi pilihanraya (yang tidak melibatkan transaksi wang) tidak boleh dipercayai?"

Kertas Kerja

Cadangan Penambahbaikan

SURUHANJAYA PILIHANRAYA

1. Pengenalan

- 1.1 Cadangan ini adalah sebagai menyahut jemputan SPR supaya semua pihak dapat membantu SPR, terutamanya dalam menangani persoalan yang ditimbulkan mengenai isu-isu yang dibangkitkan berkaitan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Dirasakan bahawa cadangan ini dapat membantu SPR menghadapi kritikan negatif yang tidak membina terhadap SPR terutamanya oleh para pengkritik tegar tetap.
- 1.2 Siapakah para pengkritik ini? Dikenali bahawa para pengkritik ini terdiri daripada berbagai golongan, latarbelakang dan landasan seperti parti politik, NGO, badan, pertubuhan, sukarela dan sebagainya. Termasuklah yang terbaru, yang digembar-gemburkan sebagai pertubuhan haram BERSIH. Bagi tujuan kertas kerja ini, semua mereka ini dirujuk sebagai para pengkritik terhadap SPR.
- 1.3 Kelihatannya, para pengkritik tegar adalah terdiri daripada golongan yang sama, yang tidak jemu-jemu mengkritik dan menimbulkan apa-apa yang boleh dijadikan isu.
- 1.4 Merujuk kepada ulasan sebelah pihak media pro-kerajaan, kritikan yang dilemparkan dan isu yang dibangkitkan lebih kepada hendak menghentam SPR dan kerajaan Barisan Nasional.
- 1.5 Dilihat dan dipercayai sebagai hasil desakan dan kritikan mereka, Y.A.B Perdana Menteri sendiri berjanji untuk menambahbaik SPR. Maka sudah tentulah semua pihak tertunggu-tunggu apakah penambahbaikan yang akan dilakukan. Salah satu penambahbaikan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Perdana Menteri sendiri ialah cadangan penggunaan biometrik.
- 1.6 Masalah sebenarnya bukanlah kerana hendakkan penggunaan biometrik. Sepemahaman ramai, begitu juga yang dihebahkan dalam media, penggunaan biometrik adalah sebagai tindakbalas daripada isu dan kritikan terhadap SPR. Adakah tindakan ini hanya hendak memenuhi permintaan dan tuntutan para pengkritik? Persoalan yang lebih penting ialah adakah dijamin ianya boleh dan dapat dilaksanakan sebagaimana yang diharapkan? Atau akhirnya, adakah ianya akan menjadi satu lagi kegagalan tindakan "trial and error" ?
- 1.7 Masalah ini perlu ditangani dan diselesaikan secara akademik dan profesioal. Boleh dikatakan semua masalah yang dikatakan berkait dengan SPR boleh diselesaikan dengan satu penyelesaian yang mudah sahaja, iaitu menggunakan internet.

- 1.8 Kertas kerja ini adalah untuk mencadangkan secara ringkas penyelesaian yang lebih menyeluruh yang pihak kami tawarkan kepada SPR dan kerajaan, yang insyaallah boleh kami sediakan dan laksanakan dalam tempoh yang singkat, yang diluar "paradigma yang biasa", yang akan mengejutkan dan diluar jangkaan ramai pihak.
- 1.9 Kami sedar bahawa penyelesaian sebenar yang dicari adalah juga untuk memamatkan segala isu dan kritikan yang dilemparkan kepada SPR dan kerajaan. Ini adalah fokus dan matlamat utama penyelesaian yang kami cadangkan.
- 1.10 Dalam kertas cadangan ini, AHYZ adalah merujuk kepada sekumpulan yang diketuai oleh Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin.
- 1.11 Sistem adalah dirujuk kepada keseluruhan sistem berkomputer yang dicadangkan untuk dibangunkan atau digunakan bagi tujuan proses berkaitan pengundian pilihanraya.

2. Memamatkan isu dan kritikan

- 2.1 Banyak pihak hanya bertindak sebagai pengkritik yang lebih menjerus ke arah hendak menghentam SPR sahaja, dengan menimbulkan pelbagai isu.
- 2.2 Penting disedari bahawa ada isu yang jika dibiarkan begitu sahaja (tidak dilayan) akan mati dengan sendirinya, tetapi ada juga isu yang jika dibiarkan akan berkembang dan merebak, yang tidak benar akan diterima sebagai benar, yang tidak ada akan diterima sebagai ada yang mana akhirnya sudah tentu menimbulkan kacau-bilau dan huru-hara. Ini amat merbahaya. Tidak dapat dinafikan bahawa ini akan memberi imej negatif kepada SPR dan kerajaan.
- 2.3 Oleh yang demikian, apa sahaja isu yang dibangkitkan oleh pengkritik semestinyalah ditangani dan dimatikan. Jika masalah berkaitan isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan maka isu tersebut akan mati dengan sendirinya.
- 2.4 Dalam menangani karenah pengkritik, SPR boleh memilih tindakbalas seperti:-
 - i. Tidak jawab.
 - ii. Jawab sahaja (lebih kepada "melayan")
 - iii. Jawab dan beri penjelasan.
 - iv. Jawab, beri penjelasan dan laksanakan penyelesaian.
 - v. Jawab, beri penjelasan, laksanakan penyelesaian dan cabar balik pengkritik. Umpamanya, sanggupkah untuk laksanakan PRU secara on-line dan buat dalam tempoh sebulan?
Dan tidak ada tempoh kempen, tidak ada ceramah politik.
- 2.5 Sebagaimana yang dinyatakan di atas, dalam bahasa yang mudah difahami, matlamat utama ialah untuk "memamatkan" segala isu dan kritikan yang dilemparkan oleh para pengkritik terhadap SPR dan kerajaan.
- 2.6 Apakah rasionalnya hendak dimatikan isu dan kritikan yang dimaksudkan? Sekiranya tidak dimatikan, ia sentiasa akan hidup. Selagi hidup, sentiasa

akan berpanjangan. Disamping ada sahaja yang akan dijadikan isu baru. Lagi banyak jawapan SPR, lagi lama, lagi banyak sokongan yang mereka dapat.

- 2.7 Selama itu, penatlah SPR hendak menjawabnya bagi pihak kerajaan. Kegagalan SPR menangani isu berkenaan akan dilihat sebagai kegagalan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang. Inilah sebenarnya yang tersirat disebalik segala isu, kritikan, tohmahan mereka.
- 2.8 Oleh yang demikian, meminjam ungkapan Inggeris, ianya perlu dimatikan "ONCE FOR ALL". Cakap, dah banyak sangat cakap, dalam semua media tetapi masih tidak berkesan. Ini adalah masa untuk bertindak, masa untuk "ACTION"!

Apabila ditunjukkan dan diminta pendapat mereka mengenai suatu formula oleh AHYZ, pemimpin tertinggi sebuah parti pembangkang pernah berkata,

"Kalau UMNO buat ni, mampus kita!"

Soalannya, kenapakah UMNO atau kerajaan BN tak nak buat?

- 2.9 Nak buat apa? Apakah isunya, bagaimanakah hendak selesaikan, siapakah yang kena selesaikan, siapakah yang akan melaksanakannya?
- 2.10 Bagi mencapai objektif ini, perlu dirujuk, atau dilantik "pakar matematik" bagi mengkaji, menganalisis, merangka, memformulasi dan membangunkan penyelesaian yang paling optimum. Secara profesionalnya boleh dirujuk sebagai penasihat atau konsultan, tetapi bagi tujuan ini pakar matematik ini dirujuk sebagai "badut penasihat". Ianya boleh (dan perlu) "dibadutkan" dalam menghadapi "pengkritik tegar" SPR.
- 2.11 Bagi menyaingi (dan tidak mahu kalah) para pengkritik berkenaan sudah tentu juga akan merujuk atau melantik pakar matematik mereka. Diharapkan ini akan mengarahkan, menumpukan perbincangan dikalangan sesama profesional sahaja. Tidak ada sesiapa yang dapat menyangkal fakta. Sesiapa yang menyangkal fakta dengan mempolitikkannya hanyalah memperbodohkan (dan menunjukkan bodohnya) dirinya sendiri.

3. MAFREL: Pendekatan yang telah terbukti berjaya

- 3.1 Suatu pendekatan yang telah berjaya dilakukan oleh SPR (bersama semua pihak yang berkaitan) ialah dalam menangani MAFREL, iaitu pertubuhan yang kononnya memperjuangkan "MALaysian for Free and faRe Elections". Kumpulan ini bergerak sebagai pemantau bebas pilihanraya (yang kemudiannya tidak diiktiraf oleh SPR).
- 3.2 Senaraikan semua isu yang dibangkitkan oleh MAFREL dan kemudian matikan. Matikan MAFREL, matilah isunya? Suatu ketika dahulu ia sibuk mengkritik SPR, tetapi kini bukan sahaja senyap, tetapi "telah mati" pun. Teknik yang telah berjaya mematikan MAFREL ini eloklah digunakan juga untuk mematikan para pengkritik tegar lain.
- 3.3 Apakah yang telah dilakukan?
 - i. Jumpa MAFREL, bincang apa isunya, apakah tuntutan atau kehendak mereka.

- ii. Bangunkan suatu sistem, serakan kepada MAFREL untuk mereka gunakan bagi memantau pilihanraya.
 - iii. Minta, cabar supaya digunakan semasa pilihanraya kecil Hulu Selangor. Semua pihak berkenaan terus hilang melarikan diri (termasuk telah bertemu Datuk Zaid Ibrahim dan Tian Chua sendiri). Dikejar ke pusat-pusat DAP, PKR, Pas tetapi semua tidak memberikan respon. Kenapakah mengelakkan diri? Apakah yang ditakuti? Kenapakah tidak mahu menggunakannya?
 - iv. Apabila SPR telah mengesahkan tidak mengiktiraf MAFREL, akhirnya MAFREL hilang begitu sahaja.
- 3.4 Kejayaan adalah menggunakan falsafah,
- Nak hilangkan lapar, jangan hilangkan lapar.*
Nak hilangkan pening, jangan hilangkan pening.
Nak matikan MAFREL, jangan matikan MAFREL,
Buat sistem komputer, MAFREL pun mati!
- 3.5 Oleh yang demikian, pendekatan yang dicadangkan ialah bangunkan suatu sistem berkomputer khusus, beri mereka pakai sebelum pilihanraya. Beri peluang mereka mendapat dan merasai manfaat daripada sistem maklumat SPR berkenaan. Maka tidak timbul masalah kritikan selepas pilihanraya, kecuali bagi yang tidak mendapat manfaatnya. Bukan skop kertas kerja ini untuk memperincikan sistem tersebut.
- 3.6 Untuk tujuan itu, sistem mestilah direkabentuk supaya berciri, berspesifikasi, berupaya dan mampu untuk memberikan jauh ke hadapan daripada jangkaan konvensional dan tradisional mereka. Tidak ramai yang berkemampuan untuk memenuhi syarat ini, tetapi boleh disediakan oleh AHYZ.

4. Biometrik: Penolakan menggunakan cap jari

- 4.1 Khusus bagi skop kertas kerja ini, pengecaman dan pengenalan biometrik yang dimaksudkan ialah menggunakan cap jari.
- 4.2 Kenapakah ada yang menolak cadangan menggunakan cap jari? Dengan kata lain, pengesahan pemilih menggunakan cap jari tidak boleh dipakai dalam pilihanraya kerana tidak praktikal, mahal dan sebagainya.
- 4.3 Bukan hanya maklumat cap jari, data ibubapa juga memang ada dalam MyKad, tetapi bolehkah digunapakai untuk tujuan ini? Boleh atau tidak, mahal atau tidak, praktikal atau tidak sebenarnya bergantung kepada sistem bersepadu yang hendak menggunakannya.

Maklumat dalam kad kredit pun boleh dibunuh, diubah, inikan pula dalam MyKad. Contohnya, MyMS adalah syarikat pengeluar cip yang digunakan dalam MyKad. Boleh atau tidak syarikat ini mengubah data dalam cip tersebut? Bagi sesiapa yang mempunyai pengetahuan dan teknologi tersebut sudah tentu boleh melakukannya walaupun cip tersebut telah dipasang pada MyKad.

- 4.4 Dipercayai bahawa antara pihak yang menolak tersebut sudah sedia maklum mengenai apa yang sedikit sebanyak telah dicadangkan dan dikemukakan oleh AHYZ (termasuk kepada MAFREL) dalam menangani masalah undi hantu dan sebagainya. Semua "kekecohan" ini adalah berkisar dengan berpusatkan kepada undi dan pengundi hantu.

Cap jari tidak menghalang pengundi hantu malah akan "membenarkan" atau "menghalalkan" pula pengundi hantu.

Juga tidak dapat mengelakkan atau menghalang "pengundi haram" kerana "Mykad haram" boleh sahaja disediakan untuk mereka.

- 4.5 Apa-apa sistem yang tidak berupaya mengenalpasti dan menghalang undi hantu sudah tentu tidak akan diterima. Begitu juga dengan ketelusan. Mestilah ditunjukkan dan dibuktikan sistem yang digunakan adalah telus setelus-telusnyanya. Oleh yang demikian, cadangan menggunakan biometrik mestilah perlu dikaji dan diperhalusi terlebih dahulu dari berbagai aspek sebelum pun boleh dicadangkan untuk digunapakai.
- 4.6 Boleh juga dicadangkan hanya perlukan pembaca MyKad sahaja. Itu pun tidak praktikal kerana terdapat ramai penyemak (pemantau, petugas SPR, wakil parti dan lain-lain) di satu-satu bilik mengundi.
- 4.7 Kaedah "sebut dengan kuat" seperti yang diamalkan secara tradisional adalah lebih praktikal dan cepat kerana membolehkan semua penyemak untuk membuat semakan dan pengesahan. Boleh digabungkan cap jari, pengesahan identiti pemegang MyKad (pemilih) kemudian baru disebut dengan kuat. Namun ini juga tidak praktikal.
- 4.8 Kekeliruan timbul kerana ramai pihak hanya ghairah hendak menggunakan biometrik mungkin kerana ianya sesuatu yang baru bagi mereka. Namun bagi golongan saintis dan profesional, ianya adalah sesuatu yang sudah lama dan lapok.

Sistem yang akan menyemak dan mengesahkan samada seseorang pemegang MyKad itu boleh mengundi atau tidak. Bukan cap jari yang menentukan seseorang itu boleh mengundi atau tidak. Pengecaman cap jari HANYALAH untuk mengesahkan pemegang MyKad yang dibawanya, tetapi TIDAK MENGESAHKAN MyKadnya adalah yang sah dan sah.

Pengecaman dan pengenalan biometrik HANYA digunakan di perngkat "front-end" sahaja, bukan dan tidak digunakan diperingkat "back-end" atau dalam sistem.

- 4.9 Faktor masa. Secara kaedah tradisional yang telah diamalkan sebanyak 12 kali PRU, boleh dikatakan proses pengundian sudah sedia lambat. Pemilih beratur panjang di kebanyakan tempat mengundi. Mungkin itu salah satu sebabnya SPR menetapkan syarat 3850 pemilih sahaja bagi satu-satu pusat mengundi. Dengan menggunakan biometrik (cap jari), sudah tentu akan menjadi lagi lambat.
- 4.10 Mengambil contoh terbaru penggunaan biometrik oleh Imigresen, yang telah terbukti beberapa kali kegagalannya. Contoh faktor yang boleh diambilkira oleh SPR mengenai penggunaan biometrik Imigresen ini termasuklah:-

- 4.10.1 Sistem tersebut jauh lebih mudah dan kecil jika dibandingkan dengan keperluan di SPR
- 4.10.2 Menurut laporan Berita harian pada 1 Ogos 2011 mukasurat 2, baru direkodkan sebanyak 640,000 PATI sahaja. Belum pun mencecah 1 juta rekod, sedangkan SPR mempunyai lebih kurang 12 juta pemilih.
- 640,000 rekod ini tidak dicapai (didaftar) dalam masa sehari sedangkan rekod sehingga 12 juta pemilih MESTI dicapai dalam masa sehari.
- 4.10.3 Sistem tersebut tidak menggunakan beribu-ribu capaian secara serentak sepertimana yang berlaku semasa pilihanraya.
- 4.10.4 Baru 334 firma menguruskan daftar biometrik PATI tersebut, sedangkan SPR mempunyai 727 kerusi (505 DUN dan 222 Parlimen) dan beribu bilik mengundi (yang setiap satunya memerlukan sekurang-kurangnya satu pembaca biometrik).
- 4.11 Cabaran oleh Ketua Pengarah JPN menggambarkan bahawa beliau tidak faham apakah yang dimaksudkan dengan pengundi hantu dan undi hantu. Isu Mykad palsu adalah satu perkara lain yang memang boleh dibincangkan tetapi adalah diluar skop tajuk SPR ini.
- 4.12 Banyak lagi sebab kenapakah penggunaan cap jari perlu ditolak BUAT MASA INI. Kertas kerja ini tidak bertujuan untuk memperincikannya, kerana sistem yang dicadangkan jauh lebih baik daripada menggunakan cap jari, tetapi tidak memerlukan penggunaan cap jari.
- 4.13 Walaupun dikatakan Malaysia akan menjadi negara yang "First in the world" untuk menggunakan biometrik dalam pilihanraya, tidak bermakna ianya adalah yang terbaik dan betul. Negara lain tak buat mungkin ada sebab atau kelemahannya, atau tidak sampai ke tahap memerlukannya.
- Ditakuti ini nanti akan menjadi suatu bahan ketawa negara lain dan sudah tentu memalukan Malaysia.

5. Penggunaan dakwat lebih mudah?

- 5.1 Menurut Berita Harian 15 Julai 2011, Tian Chua dilaporkan berkata " Pakai dakwat lebih murah dan praktikal". Bagaimana jika tidak pakai dakwat langsung? Tidakkah itu lebih murah, mudah dan praktikal?
- 5.2 SPR boleh buat kenyataan media, isytiharkan bahawa SPR sedang membangunkan suatu kaedah yang tidak perlu pakai dakwat, tidak perlu pakai cap jari, tidak perlu cat pada jari, tidak perlu senarai berjela-jela untuk mengundi. Malah, pemilih tidak perlu pun untuk datang ke tempat mengundi tetapi masih boleh mengundi!
- 5.3 Hendak atau tidak, mahu atau tidak kaedah yang sedemikian? Ciri dan kaedah ini boleh disediakan oleh AHYZ.

Misalnya, boleh direkabentuk supaya sistem memberi katalaluan (password) kepada setiap pengundi bagi membolehkan mereka mengundi secara on-line menerusi internet. Samalah juga seperti membuka dan memindahkan wang menerusi perbankan internet.

Jika wang berjuta-juta ringgit dipindahkan menggunakan perbankan internet boleh dipercayai, kenapakah undi pilihanraya (yang tidak melibatkan transaksi wang) tidak boleh dipercayai?

- 5.4 Pengundian secara on-line membolehkan matlamat mencapai sasaran 100 peratus pemilih mengundi semakin hampir.

6. Masalah peti undi

- 6.1 Ini adalah satu lagi isu yang mesti diselesaikan dengan menggunakan sistem yang dicadangkan. Kritikan adalah dakwaan berlakunya pertukaran, tambahan, perubahan pada peti undi asal. Selain dakwaan tanpa bukti begitu juga penafian tanpa bukti sukar untuk diterima dan disahkan.
- 6.2 Sistem berkomputer yang dicadangkan mestilah direkabentuk supaya bukan sahaja sebarang pencerobohan peti undi boleh disahkan tetapi boleh dikenalpasti sebarang kehilangan, pertambahan undi. Maka tidak timbul lagi isu peti undi ditukar di tengah jalan, kertas undi ditukar atau tambah di tengah jalan dan sebagainya.
- 6.3 Umpamanya, boleh terus dibuat kiraan dan pengesahan undi di tempat mengundi masing-masing. Setelah itu barulah dibawa ke pusat pengumpulan dan kiraan undi (seperti kaedah tradisional, tetapi tidak direkodkan secara on-line).
- 6.4 Kiraan dan pengesahan undi tidak semestinya dibuat di pusat kiraan undi yang khas. Kiraan undi secara on-line dan boleh terus diketahui statusnya dalam masa sebenar dari mana-mana sahaja.

7. Sistem yang lebih baik dan masa yang suntuk

- 7.1 Masa untuk PRU-13 semakin hampir. Sekiranya dilaksanakan pada tarikh kegemaran Perdana Menteri iaitu 11/11/11, bermakna hanya ada tiga bulan sahaja lagi (dari tarikh kertas kerja ini). Namun, mengambilkira cadangan mengadakan perhimpunan UMNO pada bulan November 2011, berkemungkinan PRU-13 diadakan secepat-cepatnya pada awal 2012.
- 7.2 Gambaran awal tindakan yang perlu dilakukan dalam tempoh ini termasuklah:-
- 7.2.1 Kenalpasti sistem apakah yang hendak dibangunkan.
- 7.2.2 Formulasikan cara, kaedah, pendekatan, teknologi untuk menjamin undi berulang (pertindihan undi), undi hantu dan pengundi hantu tidak berlaku, dapat dikenalpasti dan disekat.
- 7.2.3 Pengkalan data apa yang hendak dipakai? Umpamanya, menggunakan pengkalan data "berjenama besar" dari sebuah syarikat pengkalan data yang besar di peringkat dunia pun tidak dijamin kerana mempunyai "back door" pada server sesiapa yang menggunakan pengkalan datanya. Ini bermakna, sesiapa yang tahu, sudah tentu akan boleh mengubah data sesuka hatinya.

Merujuk kepada perkembangan di beberapa jabatan kerajaan, walaupun kerajaan telah membayar berjuta-juta ringgit misalnya untuk kontrak penyenggaraan pengkalan datanya namun syarikat pengeluar pengkalan data berkenaan sendiri telah "angkat tangan"

gagal untuk melaksanakan “penyenggaraan pengkalan datanya sendiri”. Malah ada yang telah dibayar kontrak untuk 15 tahun tetapi telah gagal untuk menyelesaikan masalah kerosakan data jabatan berkenaan. Akhirnya berpuluh juta terpaksa dibelanjakan lagi diberikan pula kepada pihak lain hanya untuk membuat pembersihan data (yang pengeluarannya sendiri dah tak boleh buat!)

Kes jabatan berkenaan tidak menjadi isu dan dikritik seperti isu melibatkan SPR kerana sehingga kertas kerja ini ditulis, dipercayai mereka masih belum lagi tahu atau tiada maklumat terperinci mengenainya.

7.2.4 Bangunkan sistem menggunakan cap jari. Samada hendak digunapakai kemudiannya atau tidak akan ditentukan kemudian nanti. Namun sistem perlu direkabentuk supaya berfungsi jauh lebih cekap dan efisien tanpa menggunakan cap jari.

7.2.5 Menyalinpindah data daripada JPN (untuk lebih kurang 12 juta pemilih), atau membangunkan modul sistem untuk membuat capaian terus ke pengkalan data JPN (ini tidak disyorkan).

7.2.6 Uji perjalanan dan keberkesanan sistem tersebut.

7.2.7 Sesi taklimat dan demo, termasuk kepada semua ahli Parlimen.

7.3 Ada kepakaran atau tidak? Cukupkah kepakaran tersebut dengan tempoh masa yang amat terhad? Merujuk kepada perkembangan selama ini, boleh dikatakan bahawa SPR sendirian tidak mempunyai kepakaran dan kemahiran yang diperlukan. Mungkinkah ada kepakaran tetapi tidak digunakan?

7.4 Dengan kekangan masa yang suntuk hanya beberapa bulan sahaja, apakah yang perlu dan boleh dilakukan? Di sinilah diperlukan khidmat yang boleh diberikan oleh AYHZ kerana beliau dikenali dengan pelbagai panggilan seperti “Trouble-shooter”, “Do the impossible”, “Jual emas pada harga garam”, “Genius”, “Orang gila” dan sebagainya. Malah terdapat sistem yang direkaciptanya lebih 20 tahun yang lalu masih lagi digunakan sehingga sekarang tanpa sebarang masalah dan penyenggaraan. Bukan skop kertas kerja ini untuk memperincikannya.

Menurut beliau, demi untuk negara, segala kepentingan lain boleh ditinggalkan dahulu. Negara menjadi keutamaan. Misalnya, pernah tinggalkan peluang untuk membuat PhD kerana hendak membongkar dan mendedahkan gerakan bawah tanah menentang kerajaan (termasuklah yang dikenali sebagai JI) dan menyelamatkan anak-anak yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi. Sebagaimana kata polis, “Kami telah 14 tahun mengikut kumpulan ini tetapi masih tidak mendapat bukti, apa lagi untuk menangkap mereka. Bagaimana awak boleh...”

8. Demo dan taklimat di Parlimen

8.1 Adalah dicadangan supaya suatu demo dan taklimat mengenai sistem yang dicadangkan diadakan di Parlimen khusus untuk semua ahli Parlimen. Dijangkakan ini tidak akan menimbulkan masalah kerana semua ahli

Parlimen telah pun mempunyai komputer notebook masing-masing. SPR hanya perlu memberikan alamat laman webnya sahaja.

Selain itu demo dan taklimat juga perlu diberikan kepada orang awam, seperti parti politik, NGO, pemantau bebas, pemerhati dan sebagainya, tetapi ini dilaksanakan setelah melepasi demo untuk ahli Parlimen.

- 8.2 Adalah ditakuti bahawa sekiranya tidak dilakukan sedemikian, umpamanya hanya melibatkan beberapa orang atau beberapa pihak sahaja dalam pengujian dan penilaian sistem (cap jari?) yang hendak dibangunkan oleh SPR tersebut, pengkritik tegar tetap akan mengkritik juga. Jika sekarang mereka mengatakan tidak telus, amatlah diyakini mereka tetap akan mengatakan tidak telus juga.
- 8.3 Oleh yang demikian, bagi mematikan kritikan tersebut, semua ahli Parlimen dan mereka sendiri dijemput untuk melibatkan diri menguji, menilai dan memberikan pendapat mereka. Kemudian, ambillah keputusan majoriti secara demokrasi.
- 8.4 Minta mereka perhatikan apakah yang akan berlaku, apakah tindakbalas sistem, berjayakah mereka melakukan apa yang dikritik dan digembargemburkan berlakunya tidak adil dan tidak telus selama ini?
- 8.5 Bagi yang masih mengkritik lagi selepas itu, bermakna mereka telah mengkritik diri mereka sendiri. Secara tidak langsung, ini bermakna mereka telah mendedahkan kegagalan diri mereka sendiri. Ini adalah sesuatu yang seboleh-bolehnya TIDAK akan dilakukan oleh mana-mana pengkritik negatif. Sesiapa sahaja boleh terus bercakap atau mengarahkan mereka supaya "Jangan cakap benda yang awak tak tahu, sebab awak tak test!".
- 8.6 Untuk membolehkan cabaran ini dan menjayakan cadangan ini, maka sistem yang hendak dibangunkan mestilah benar-benar "bullet-proof" daripada kritikan, dan benar-benar ump!.
- 8.7 Sistem sedemikian boleh dibangunkan oleh AHYZ. Bukan skop kertas kerja ini membincang butiran terperinci teknikal sistem tersebut.
- 8.8 Berikut adalah gambaran secara kasar program yang boleh diaturkan.
 - 8.8.1 Ikut kawasan masing-masing
Setiap ahli Parlimen diberikan kod *username* dan *password* mengikut nombor Parlimen dan DUN masing-masing. Misalnya, bagi P03-N04.
 - 8.8.2 Kod capaian masing-masing
Menggunakan kod masing-masing, mereka boleh mencapai sistem pada bila-bila masa dan dari mana-mana sahaja dalam tempoh yang dibenarkan. Ini supaya mereka boleh terus mengalami proses sehingga selesai yang melibatkan kiraan, keputusan, analisis, post mortem dan sebagainya.
 - 8.8.3 Senarai pemilih masing-masing
Mereka boleh membawa contoh senarai pemilih kawasan masing-masing bagi digunakan dalam simulasi proses pilihanraya sebenar.

Maklumkan juga bahawa mereka boleh membawa "pengundi hantu" mereka masing-masing untuk direkodkan undian mereka.

8.8.4 Rekodkan kertas undi

Minta mereka cari apa yang para pengkritik rujuk sebagai pengundi hantu.

- i. Minta mereka buat betul-betul seperti pilihanraya sebenar. Bagi, pangkah calon/parti mana yang bertanding.
- ii. Rekodkan pengundian bertindih.
- iii. Pergi mengundi di kerusi lain (setelah mengundi di kerusi asal).
- iv. Rekodkan kertas undi yang tidak dikeluarkan di tempat kerusi berkenaan.
- v. Rekodkan kertas undi yang dikeluarkan di kerusi (DUN) lain.

8.8.5 Buat kiraan kertas undi dan pameran keputusan

Kiraan boleh dibuat di tempat mengundi, atau di tempat pusat pengumpulan kertas undi.

Pamerkan keputusan secara on-line dalam masa sebenar.

8.8.6 Boleh beri tempoh selama satu minggu untuk masing-masing serahkan kepada jentera masing-masing. Cuba sebanyak mungkin, atau buat bagi semua pemilih berdaftar di kawasan masing-masing.

9. Kaunter JPN

9.1 Menyediakan kaunter atau meja JPN di tempat mengundi adalah penting. Langkah ini adalah menggunakan konsep gergaji dua mata.

Misalnya, bagi pemilih yang membawa kad pengenalan tetapi namanya tidak ada dalam rekod JPN maka pihak berkuasa berkenaan boleh terus menahan atau menangkap individu berkenaan kerana disyaki memiliki MyKad palsu. Kerana rujukan adalah terhadap MyKad, maka tanggungjawab menerima atau menolak MyKad adalah JPN, bukan SPR. Maknanya, tapisan adalah oleh JPN.

9.2 Sistem juga mesti merekod maklumat pemilih yang mengundi yang rekodnya tiada dalam daftar JPN atau SPR tetapi atas sebab-sebab tertentu dibenarkan juga mengundi. Ini penting supaya jika dipertukan, undi berkenaan boleh dibatalkan kemudian kelak sekiranya kes berbangkit.

9.3 Tidak ada sesiapa yang boleh mempertikaikan pengesahan oleh JPN dan bukannya oleh SPR mengenai kesahihan status penama pemilih pemegang sesuatu MyKad.

9.4 Kalau dipertikaikan juga, pada bila-bila masa bermula dari sekarang, mereka boleh pergi membuat semakan dan pengesahan di mana-mana pejabat cawangan JPN.

9.5 Sehingga ianya boleh dilaksanakan, pengesahan masih menjadi tanggungjawab SPR, menggunakan data JPN dan SPR.

10. Pengguna berbayar dan langganan perkhidmatan SPR

- 10.1 Pengguna berbayar adalah bagi mana-mana pihak yang hendak mendapat "lebih lagi" daripada SPR. Diketahui bahawa berbagai pihak hendak melaksanakan berbagai program untuk berbagai tujuan. Semuanya memerlukan maklumat.
- 10.2 Sebenarnya perkhidmatan yang dicadangkan ini boleh diberikan secara percuma sebagai perkhidmatan tambahan oleh SPR, bergantung kepada SPR. Namun sebagai permulaan, dicadangkan supaya perkhidmatan ini dikenakan bayaran untuk "menarik minat ramai". Berbayar ini boleh juga bermakna membayar maklumat yang diperolehi dan ini menjadikan pengguna berbayar sebagai "eksklusif".

Secara tidak langsung, ini menjadi faktor untuk menutup pengkritik kerana mereka bukan merupakan pengguna berbayar. Kritikan pengguna berbayar adalah komen atau maklumbalas positif.

- 10.3 Berikut adalah contoh kehendak untuk tujuan kegunaan sesuatu program, yang boleh dikategorikan sebagai yang hendak "lebih lagi".
- i. Berapa ramaikah perempuan Melayu berusia 80 tahun keatas yang bukan ahli UMNO mengundi di Sek. Keb. Ayer Puteh? Senaraikan berserta dengan alamatnya.
 - ii. Berapakah dan siapakah lelaki Cina berusia 80 tahun keatas mengundi di saluran 1 Daerah Kamunting Station?
 - iii. Siapakah pemilih Melayu di Taman Kaya dalam P059-Bukit Gantang yang bukan ahli UMNO? Senaraikan berserta dengan umur dan alamatnya.
 - iv. Jika benarlah tuduhan Hindraf bahawa UMNO melaksanakan penghapusan etnik India di negara ini, berapa kawasankah yang merupakan majoriti kaum India dan berapa orangkah calon India yang memenangi PRU-12?

Tinjauan terhadap laman web sedia ada SPR gagal memperolehi maklumat yang dikehendaki di atas. Sistem yang dicadangkan ini, yang boleh dibangunkan oleh AHYZ bukan sahaja mampu memberikan jawapannya malah boleh diperolehi sendiri menerusi internet.

- 10.4 SPR boleh mengeksploitasi kehendak ini dengan mentransformasikan daripada "penentangan" terhadap SPR kepada "bekerjasama" atau "partnership" atau "rakan program" bersama SPR. Secara tersiratnya (tanpa perlu dihebohkan, akan berlaku dengan sendirinya secara automaik) mentransformasikan daripada pengkritik tegar yang "memusuhi" SPR kepada "pengguna yang memerlukan SPR". (Menggunakan konsep matematik Jelmaan dan Transformasi yang diajar di sekolah menengah).
- 10.5 Sasarannya, atau potensi pengguna berbayar boleh terdiri daripada parti politik, calon yang bertanding, wakil rakyat sedia ada, NGO, badan pemantau bebas, badan penganalisis, dan sebagainya. Parti yang merupakan pengguna berbayar boleh mendapatkan maklumat mengenai parti masing-masing.

Misalnya, hendak diketahui siapakah ahli UMNO yang mengundi pembangkang (bukan calon UMNO) di kampung Tebok Terung? Oleh kerana kampung ini adalah 100% Melayu dengan majoritinya ahli UMNO maka boleh dihipotesiskan bahawa merekalah yang menyebabkan kekalahan calon UMNO di situ. (Ini membawa kepada hipotesis kekalahan UMNO disebabkan undi protes).

Maklumat ini sepatutnya boleh diperolehi daripada laman web SPR.

BIL.	KOD	NAMA DAERAH	PEMILIH			PERATUS		UNDI DIPEROLEHI		
			JUMLAH	MELAYU	AHLI	MELAYU	AHLI	BN	BUKAN	DITERIMA
1	059/13/10	KAMPONG JAJA	309	256	188	82.85%	60.84%	140	79	219
2	059/13/07	MATANG GELUGOR	389	360	211	92.54%	54.24%	165	119	284
3	059/15/10	PERMATANG RAJA	1,000	989	541	99.90%	54.10%	494	269	763
4	059/15/03	KAMPONG TEBOK TRONG	549	549	291	100.00%	53.01%	192	228	420
5	059/14/09	JELUTONG	959	941	470	98.12%	49.01%	368	362	731
6	059/13/01	KAMUJING STATION	2,906	2,533	1,388	87.16%	47.76%	1,160	888	2,048
7	059/15/13	BATU HAMPAR	663	597	302	90.05%	45.55%	211	255	466
8	059/15/09	SUNGAI CHE RAHMAT	306	289	139	84.44%	45.42%	127	98	226
9	059/15/12	PADANG GAJAH	905	636	410	70.28%	45.30%	431	200	631
10	059/15/11	SUNGAI TINGGI	1,847	1,413	834	76.50%	45.15%	644	545	1,389
11	059/13/04	JEBONG	1,818	1,419	808	78.05%	44.44%	701	588	1,289
12	059/13/08	SUNGAI MAU	450	359	204	78.04%	44.35%	216	126	342
13	059/13/02	AYER PUTEH	730	529	321	72.47%	43.97%	247	284	531

- 10.6 Untuk melaksanakannya, mestilah dibangunkan suatu sistem maklumat berkompuser berasaskan internet yang khusus. Sistem ini boleh dinamakan sebagai

Sistem Maklumat PRU

atau khusus bagi PRU ke-12,

Sistem Maklumat PRU-12.

- 10.7 Secara automatiknya, SPR akan mempunyai arkib maklumat semua PRU yang dicapai terus sampai bila-bila. Ini pula secara tidak langsung dapat menafikan, mematikan atau mengesahkan sebarang isu berkenaan yang dilemparkan kepada SPR.

Umpamanya, jika didakwa SPR melakukan pemindahan kawasan mengundi pemilih sesuka hati. Misalnya boleh terus dirujuk kepada Sistem Maklumat PRU-12 di manakah pemilih berkenaan mengundi dan kemudian boleh dirujuk pula kepada Sistem Maklumat PRU-13 di manakah pula ia sepatutnya mengundi, beserta dengan alamat dan butiran lainnya. Dengan kata lain, boleh tahu sejarah rekod pemilih.

- 10.7 Sistem ini sedia dibangunkan oleh AHYZ. Sekiranya menambah beban kepada SPR, dicadangkan supaya dilantik atau disumberluarkan kepada pihak ketiga bagi penyenggaraan sistem berkompuser berkenaan.

10.8 Dengan adanya Sistem Maklumat PRU ini, SPR boleh melangkah dengan lebih jauh lagi dalam pendidikan pilihanraya sehingga ke sekolah, institusi pengajian tinggi, sektor swasta dan sebagainya. Malah boleh dijadikan sebagai satu aktiviti ko-kurikulum di sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

11. Sistem Maklumat PRU-12, PRU-13,...

11.1 Sistem ini boleh dijadikan sebagai suatu "gam" yang boleh "melekatkan" pihak-pihak yang berkenaan khususnya dan seluruh rakyat amnya kepada SPR. Secara tidak langsung, juga menyumbang menjadikan SPR "One stop centre" untuk maklumat pilihanraya (sebagaimana sepatutnya).

11.2 Salah satu contoh yang boleh digunakan oleh parti politik (pengguna berbayar?) termasuklah

- i. untuk merancang pencalonan di sesuatu kawasan
- ii. untuk mengatur program-program persediaan menghadapi pilihanraya
- iii. Untuk pengagihan tugas semasa pilihanraya
- iv. untuk membuat post mortem parti, dan sebagainya.

11.3 Menggunakan sistem ini, parti boleh tahu misalnya

- yang telah mengundi
- yang tidak mengundi
- yang telah diberikan kertas undi tetapi tidak mengundi (tidak masukkan ke dalam peti undi, yang merupakan satu kesalahan)
- yang telah mengundi tetapi rosakkan kertas undinya (samada disengaja atau tidak).

Persoalan yang selama ini tidak terjawab boleh terjawab dengan sendirinya secara automatik. Misalnya,

- ahli parti yang pangkah parti sendiri
- ahli parti yang pangkah parti lain
- ahli parti yang rosakkan kertas undi
- ahli parti yang tidak mengundi
- ahli parti yang masih belum mendaftar sebagai pemilih walaupun layak
- ahli parti yang masih belum mendaftar sebagai pemilih kerana masih belum cukup umur.

11.4 Sistem ini juga dicadangkan supaya digunakan oleh mana-mana bahagian kerajaan sebagai sumbangan SPR kepada kerajaan (BUKAN kepada parti)

11.5 Sistem ini boleh menutup hampir semua ruang untuk pengkritik. Jangan bagi ruang langsung untuk sebarang isu ditimbulkan.

11.6 Dari segi ketelusan, sistem ini menjadikan SPR telus sehabis-habis telus. Ketidaktelusan menjadi modal pengkritik tetapi sekarang SPR pula boleh mencabar pengkritik supaya semak dan daftarkan sesiapa yang masih lagi belum mendaftar sebagai pemilih. Sesiapa yang sudah daftar di setiap lokaliti boleh diketahui pada bila-bila masa, dari mana-mana sahaja asalkan ada internet.

Misalnya (rujuk data Bukit Gantang) semak setiap lokaliti, minta pengkritik kenalpasti pemilih yang tidak sah dan sebagainya dan serahkan kepada SPR.

11.7 Sistem dapat menjelaskan kekeliruan ramai mengenai pemilih yang telah meninggal dunia. Seseorang pemilih hanya boleh dikeluarkan dari senarai jika

- i. mendapat pengesahan mati daripada JPN
- ii. sabitan kesalahan mahkamah dengan denda lebih RM2,000.00 atau penjara lebih satu tahun.

Pemilih yang telah meninggal dunia pun masih boleh dikekalkan rekodnya dalam pengkalan data pemilih SPR. Cuma, statusnya sahaja tidak boleh mengundi kerana telah meninggal dunia.

Begitu juga dengan pemilih yang tidak dibenarkan mengundi sebab (ii) di atas. Rekodnya dikekalkan, cuma, statusnya sahaja tidak boleh mengundi kerana telah disabitkan kesalahan mahkamah.

Jika rekod tidak dikekalkan, bagaimanakah hendak membuat pengesahan semakan? Inilah satu ruang bagaimana pengundi hantu boleh dibawa masuk mengundi, tetapi dengan sistem ini, tidak ada cara ia boleh masuk kerana statusnya ialah tidak boleh mengundi!

11.8 Oleh kerana lokaliti pemilih sudah pun ditetapkan oleh SPR mengikut sepertimana alamat dalam kad pengenalan maka amat mudahlah untuk menafikan atau mengesahkan sebahagian besar kritikan.

11.9 Mengambil contoh satu isu. 949 pemilih hilang dari senarai di Permatang Pauh.

Tiada rahsia daftar pemilih. Senarai diserahkan kepada setiap calon yang bertanding (pada hari penamaan calon?). Oleh yang demikian semakan sedemikian tidak memerlukan sebarang pindaan undang-undang. Namun untuk mendapatkan senarai terkini adalah merupakan satu masalah bagi kebanyakan orang.

Semakan sedia ada di

- i. laman web SPR, www.spr.gov.my
- ii. sms nombor kad pengenalan ke 15888
- iii. Bilik gerakan pilihanraya.

Semakan di atas boleh dilakukan secara satu-satu, iaitu seorang pemilih pada satu-satu masa. Tidak boleh, tidak dapat untuk disemak dalam bentuk senarai. Ini menyebabkan orang lain, pihak lain tidak dapat pula untuk mengulangsemak atau menentusahkan apa yang telah mereka semak, tidak dapat semak apa yang mereka kritikkan.

Sistem menyediakan sebarang senarai maklumat terkini yang boleh digunakan untuk berbagai tujuan.

12. Akademi Pilihanraya

- 12.1 Akademi Pilihanraya (APR) boleh dijadikan tapak dan landasan yang kukuh melancarkan segala bentuk program (seperti pendidikan) berkaitan pilihanraya, SPR dan sistem-sistem yang dibangunkan.
- 12.2 AHYZ boleh diletakkan di sini bagi suatu tempoh tertentu bagi memastikan pemindahan teknologi yang digunakan, melatih kakitangan SPR yang berkenaan, dan sebagainya.
- 12.3 Menerusi APR, SPR boleh menyediakan satu lagi khidmat menyediakan, menguruskan atau apa-apa program berkaitan untuk pilihanraya kampus, pemilihan parti, badan-badan, persatuan, koperasi, masjid dan lain-lain institusi atau organisasi.
- 12.4 Sistem khusus juga boleh disediakan untuk APR. Misalnya, boleh disediakan pengkalan data dan sistem khusus untuk kegunaan masing-masing petugas pilihanraya berikut:-
 - i. Pengurus Pilihanraya (PP)
 - ii. Penolong Pengurus Pilihanraya (PPP)
 - iii. Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihanraya (PP-KPR)
 - iv. Pembantu Pilihanraya (PPR)
 - v. Ketua Tempat Mengundi / Mengira undi (KTM)
 - vi. Kerani Pengundian / Mengira undi (KP/MU)
 - vii. Kerani Pengeluaran, Pembukaan dan Pengiraan undi (KKP)
 - viii. Kerani Penyemak Daftar Pemilih (KPDP)
 - ix. Pemandu Arah Pusat Mengundi (PAPM).
- 12.5 APR juga boleh menganjurkan kursus untuk pengguna berbayar mengenai penggunaan sistem atau apa-apa yang berkaitan.

13. Membantu kempen penerangan

- 13.1 Sistem boleh membantu kempen-kempen penerangan kepada semua pihak, termasuk khususnya kepada para pelajar IPT. Mereka adalah generasi muda yang terlibat dalam ketiga-tiga peringkat belum layak, layak dan mengundi.
- 13.2 Kempen-kempen yang dilakukan dengan menggunakan sistem boleh direkabentuk sebagai suatu peperangan psikologi kepada generasi muda. Seperti yang dijelaskan terdahulu, apabila mereka boleh mengetahui "segala-galanya" mengenai maklumat pilihanraya, tidak ada sesiapa pun yang boleh mengubah fakta yang telah tertanam dalam fikiran mereka. Tohmahan akan "melantun" sahaja jika dilemparkan kepada mereka.

Perang psikologi minda bawah sedar ini adalah menggunakan falsafah "Nak hilangan lapar, jangan hilangkan lapar".

Dalam jangka panjang, bermakna para pengkritik hanya akan menjadi seperti anjing menyalak bukit sahaja.

13.3 Sekiranya pengundian on-line dilaksanakan, mereka boleh mengundi, tak perlu balik kampung khusus untuk mengundi. Mereka boleh membuat semakan secara on-line menerusi internet dan mendapatkan katalaluan untuk mengundi on-line.

Secara automatiknya, menggalakkan pelajar IPT untuk mendaftar dan mengundi.

13.4 Boleh juga dibuat program-program seperti

- i. Demo sistem maklumat pemilih SPR, sistem pengundian on-line dan sistem-sistem lain semasa sesi taklimat kepada pelajar.
- ii. Pelajar dan orang awam boleh mencari dan melihat sendiri maklumat yang dikehendaki.
- iii. Jika didapati nama mereka tidak ada dalam senarai, mereka boleh terus mendaftar. (Ini tidak lagi relevan sekiranya pengundian automatik mengikut umur dilaksanakan).

14. Eksploitasi keghairahan muda-mudi terhadap internet

14.1 Kempen penerangan sahaja tidak mencukupi kerana ianya digerakkan oleh SPR. Namun "kempen" sebenarnya boleh juga dilaksanakan tanpa sesiapa menggerakkannya, iaitu dengan mengeksploitasi sepenuhnya keghairahan dan kegiaan muda-mudi terhadap internet.

SPR dan kerajaan disarankan supaya mengambil dan menggunakan sepenuhnya kesempatan yang telah tersedia ada.

14.2 Mereka "mencari-cari", bukan nak lihat benda-benda atau maklumat statik. Sebab itulah laman web seperti Youtube, facebook, IRC, Online games dan sebagainya amat popular dan menjadi tumpuan.

14.3 Persoalannya, bagaimanakah hendak "mengikat" seseorang pengunjung ke laman web SPR, dan kembali lagi kemudiannya?

Bagaimanakah hendak menjadikan mereka sanggup duduk lama menatap laman web SPR? Satu jawapan mudah ialah dengan menyediakan dan memberikan mereka tak terhingga banyaknya maklumat yang boleh mereka peroleh!

14.4 Oleh yang demikian, SPR hanya perlu menyediakan maklumat dalam bentuk laman web dinamik, bukan statik (seperti yang dicadangkan dalam Perkara-11).

Muda-mudi boleh duduk berjam-jam menghadap komputer mencari-cari, merayau-rayau di internet mendapatkan maklumat (apa jenis maklumat sekali pun). Akhirnya, disedari atau tidak, mereka akan membuat rumusan, kesimpulan, tanggapan sendiri (penakkulan sendiri).

Dengan laman web dinamik yang dicadangkan, mereka boleh mendapatkan misalnya berbilion-bilion jenis senarai maklumat mengenai pilihanraya. Apabila laman web SPR telah menjadi hentian setempat (one-stop centre) maklumat SPR, sudah tentu mereka akan kembali dan tidak pergi ke tempat lain.

Bukan setakat 727 kerusi (505 DUN dan 222 Parlimen) sahaja.

- 14.5 Kita tidak perlu risau walaupun hari-hari pengkritik datang kepada mudamudi ini dengan tohmahan dan pembohongan (seperti perayu undi tertentu?) kerana mereka akan menolaknya. Mereka boleh mendapatkan faktanya daripada laman web SPR. Mereka tidak perlu tahu segala-galanya sepanjang masa. Apa yang penting ditanamkan ialah mereka tahu di mana nak cari, semak dan buat pengesahan apabila diperlukan.

15. Kempen daftar pemilih

- 15.1 Ramai pihak yang nampaknya seperti mahu menyahut kempen mendaftar pemilih. Salah satu persoalannya, ialah sasaran. Hendak di kempenkan kepada siapa dan di mana? Kebanyakannya tidak tahu dan diadakan kempen secara "meraba dalam gelap".
- 15.2 Sistem boleh memberikan senarai maklumat sasaran yang masih belum mendaftar.
- Kempen ini menjadi tidak relevan lagi jika kelayakan automatik mengikut MyKad dilaksanakan.*
- 15.3 Dengan sistem ini, sasaran boleh dikenalpasti, berebut-rebut pihak akan buat kempen sekiranya diberikan suatu bentuk insentif (seperti daftar bancian penduduk?). Biarkanlah masing-masing pihak berkempen untuk kepentingan masing-masing, yang penting mendaftarkan mereka terlebih dahulu.
- 15.4 Dengan kekayaan maklumat yang SPR berikan, akhirnya pemilih sendiri yang akan membuat keputusan kemanakah pangkah undiannya hendak diberikan tanpa dipengaruhi tohmahan, hasutan dan fitnah.

16. Tukar daripada kritik SPR kepada puji SPR

- 16.1 Ramai maklum bahawa sekarang ini kita berada dalam era orang yang berkuasa ialah orang yang mempunyai maklumat, namun segelintir sahaja yang mengeksploitasinya.
- Sistem yang dicadangkan bukan setakat merekod dan menyimpan maklumat (storage and retrieval) sahaja tetapi ia boleh diurus, ditadbir, dicetak, dimanipulasi, dianalisis dan sebagainya melalui laman web sahaja. Ini adalah antara ciri dan spesifikasi sistem yang dibangunkan oleh AHYZ.
- 16.2 Apabila para pengkritik menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh SPR, SPR boleh mencapai sesuatu yang pada orang awam adalah mustahil untuk dicapai. Ini adalah salah satu kuasa yang boleh digunakan oleh "orang yang berkuasa adalah orang memegang maklumat".
- 16.3 Dengan adanya sistem maklumat khusus SPR sebagaimana yang dicadangkan dalam kertas kerja ini, SPR boleh menganjukkan paradigma pemikiran pengkritik tegar daripada kritikan kosong negatif kepada pujian positif. Tukarkan kepada mereka mencari kesilapan, ralat, maklumat yang tidak dikemaskini di semua tempat. Sekurang-kurangnya di kawasan masing-masing.
- 16.4 Dapatkan pengesahan, kemudian maklumkan / serahkan kepada SPR untuk diambil tindakan pengemaskinian. Bukan setakat kata itu tak betul, ini

tak betul dan lain-lain. Mereka kena bagitau apa yang tak betulnya dan apa yang sepatutnya betul. Barulah menjadi kritikan positif membina.

- 16.5 Budaya menghentam SPR akan hilang secara automatik dan halus jika mereka mula menggunakan khidmat SPR, yang akhirnya akan tertanam difikiran bawah sedar mereka bahawa sebenarnya "mereka memerlukan SPR". Tidak-tanduk selepas itu adalah "mempertahankan SPR".

Contoh analogi adalah penyediaan mesin ATM untuk mengeluarkan wang, sistem komunikasi tanpa wayar (hand-phone) dan lain-lain. Apakah tindakan rakyat jika ditutup mesin ATM dan hand-phone tidak lagi boleh digunakan? Sudah tentu mereka akan memberontak mempertahankannya!

17. Tukar fungsi SPR

- 17.1 Untuk masa akan datang (sebagai matlamat jangka panjang) fungsi SPR sebagai pendaftar pemilih boleh bertukar pendaftar yang tak boleh memilih. Dari pendaftar yang layak mengundi kepada pendaftar yang tidak layak mengundi.
- 17.2 Ini boleh berlaku sekiranya daftar pemilih secara automatik mengikut kad pengenalan (MyKad) dilaksanakan. Benarkan mengundi secara automatik apabila telah mencapai 21 tahun, kecuali bagi yang tidak dibenarkan (seperti hilang kelayakan dan sebagainya).
- 17.3 Ini juga menjawab desas-desus yang khabarnya SPR akan dibubarkan ianya dilaksanakan. Sebaliknya, fungsi SPR akan lebih fokus dan kemas lagi dan tidak berlaku pertindihan antara SPR dan JPN.
- 17.4 Tugas membentangkannya di Parlimen untuk pindaan bukanlah merupakan satu masalah (sebagaimana sekian banyak pindaan yang dilakukan pada setiap kali Parlimen bersidang).

18. Langkah seterusnya

- 18.1 Dicadangkan SPR membuat sesi kenyataan media khas mengenai rancangan membangunkan sistem khas untuk pilihanraya ini.
- 18.2 Maklumkan SPR telah melantik pihak-pihak yang berkenaan. Penasihat, perunding, pakar, dan apa-apalah nama yang hendak digunakan. Namun dicadangkan maklumkan SPR telah lantik "seseorang". Ini penting bagi mengalihkan (divert) sekiranya apa-apa berlaku yang boleh menjejaskan imej SPR, "seseorang" tersebut akan dijadikan sebagai "badut" atau "dikambing-hitamkan".
- 18.3 Minta semua pihak yang mengkritik selama ini supaya mengemukakan apa yang mereka hendak. Jika tidak dikemukakan, maklumkan bahawa mereka tidak ada hak lagi untuk mengkritik apa yang sedang dan akan dilakukan.
- 18.4 Rekodkan kehadiran dan mereka yang memberikan maklumbalas, cadangan dan sebagainya. Penting sebagai rujukan dan kegunaan selanjutnya.
- 18.5 Seseorang yang hendak dimaklumkan sebagai "Penasihat yang telah dilantik", atau "badut" ini mestilah seseorang yang benar-benar mempunyai ilmu, pengetahuan, kepakaran, kemahiran, falsafah dan teknologi yang diperlukan bagi (mengetuai) membangunkan sistem yang dicadangkan.

- 18.6 Badut ini juga akan bertanggungjawab untuk menjawab segala soalan, kritikan dan isu yang dibangkitkan selepas kenyataan media ini (kecuali dikehendaki sebaliknya oleh SPR). Bebanan 'melayan" pengkritik tegar tidak perlu lagi ditanggung oleh SPR, tetapi sebaliknya dipindahkan kepada badut penasihat ini. Cabar mencabar sekiranya timbul adalah antara penasihat dan pengkritik.
- 18.7 Maklumkan, minta semua pihak datang untuk memberi maklumbalas, cadangan, apa yang dikehendaki, boleh atau tidak boleh buat, dan sebagainya.
- 18.8 Maklumkan anggaran bilakah boleh didemokan sistem yang dibangunkan. Sekiranya dibangunkan oleh AHYZ, boleh disasarkan dalam masa satu bulan sahaja.
- 18.9 Sekiranya tidak ada sesiapa yang boleh dijadikan badut, SPR boleh melantik AHYZ.

19. Penutup


- 19.1 Pelaksanaan cadangan ini bergantung kepada sumber dan kepakaran sedia ada SPR di seluruh negara. Perincian pelaksanaan tidak menjadi skop kertas kerja ini tetapi boleh disediakan sebagai tindakan susulan lanjutan cadangan ini.
- 19.2 Dicadangkan juga SPR untuk menimbangkan untuk menyumberluarkan (Outsource) pembangunan sistem. SPR sebagai pengguna ICT. Disumberluarkan kepada pihak lain pembangunan, pemantauan dan penyenggaraan perisian sistem komputer yang diperlukan. Masih juga melibatkan kos tetapi amat minimum.
- 19.3 *Boleh juga dibangunkan secara dalaman SPR. SPR sebagai pengguna ICT dan menyediakan sendiri perisian sistem berkomputer yang diperlukannya.*
Perkakasan (hardware) boleh dibekalkan oleh mana-mana syarikat atau vendor yang berkenaan.
Ini membolehkan kos pembangunan sistem diserap secara dalaman SPR ke *mana-mana bahagian sedia ada yang berkenaan. Mungkin perlukan sedikit tambahan peruntukan sahaja.*
- 19.4 Ciri dan spesifikasi am dan khusus sistem yang dicadangkan tidak dinyatakan dalam kertas kerja ini. Ianya boleh disediakan sebagai tindakan susulan cadangan ini. Penyediaannya memerlukan tinjauan dan kajian mengenai infrastruktur dan kemudahan sedia ada di SPR (atau yang hendak digunakan) disamping mengambilkira cadangan dalam perancangan SPR sendiri.
- 19.5 Semoga cadangan ini mendapat pertimbangan sewajarnya daripada SPR dan kerajaan.

...ooOOsekian, Terima kasihOOoo...


SISTEM MAKLUMAT PRU

1. Mendapatkan laman web


- 1.1 Sistem Maklumat PRU ini boleh dicapai menggunakan sebarang pengimbas (browser) internet yang anda gunakan. Misalnya Microsoft Internet Explorer, Mozilla Firefox, Konquer, Google Chrome dan sebagainya.
- 1.2 Masukkan alamat sistem, bergantung kepada pemasangan yang disediakan untuk anda. Misalnya, jika capaian anda di myitl.net,




Jika alamat internet untuk anda ialah 218.111.99.125,



2. Laman web PRU



MUKA HADAPAN LAMAN WEB PRU-13



Pilihan dalam menu laman web utama:-

1. **Negeri** Semua negeri di Malaysia.
2. **Kerusi** Parlimen atau DUN.
3. **Parti** BN,P AS, DAP,P KR, BEBAS, BUKAN BN.
4. **Bangsa** MELAYU, CINA, INDIA, LAIN-LAIN, BUKAN MELAYU.
5. **P :** Sebarang Nombor kawasan Parlimen.
6. **N** Sebarang Nombor kawasan DUN.
7. **Jenis senarai.** Kandungan yang berlainan. Lihat jenis senarai tersedia di bawah.
8. **Urutan senarai.** Mengikut urutan yang berlainan. Misalnya, bagi senarai majoriti menang, senarai disusun ikut urutan dari majoriti terbanyak. Lihat urutan senarai tersedia di bawah.
9. **Tapisan senarai secara automatik,** telah dimenukan. Misalnya jika hendak senarai kawasan yang majoriti Melayu. Lihat tapisan automatik tersedia di bawah.
10. **Kawasan** Tapisan senarai secara manual. Pengguna boleh mendapatkan senarai bagi kawasan yang dikehendaki. Sebarang perkataan yang ada bagi sesuatu kawasan (misalnya gudang bagi kawasang Pasir Gudang) boleh dimasukkan.
11. **Tapis** Tapisan senarai secara manual. Pengguna perlu taipmasuk sendiri syarat senarai maklumat yang dikehendaki. Misalnya jika senarai kawasan dengan majoriti kurang daripada 1000, taipmasuk yang berikut dalam ruangan yang disediakan.
MAJORITI<1000
12. **Calon** Untuk mendapatkan senarai yang nama calonnya mengandungi perkataan (nama) yang ditaipmasuk di sini. Misalnya hendak semakan kawasan wakil rakyat yang nama JOHAN sahaja yang diketahui. Taipmasukkan
JOHAN
13. **Individu** Untuk pameran senarai dengan butang Zoom ke individu rekod atau tidak.
14. **Kotak** Untuk bubuh garis sempadan senarai (supaya

- berada dalam kotak) atau tidak.
15. **Warna** Untuk bezakan antara BN dan bukan BN. Untuk BN akan diwarnakan dengan biru terang (cyan). Yang tidak diwarnaka adalah untuk bukan BN.
 16. **Home** Untuk mendapatkan kembali laman web utama Sistem Maklumat PRU. Misalnya untuk mendapatkan maklumat untuk PRU-12, ketika sedang mengimbas maklumat untuk PRU-13.
 15. **Reset** Untuk batalkan maklumat diruang kemasukan data.
 16. **Kiraan** Untuk kira perangkaan berdasarkan apa yang ditapis atau disenaraikan.
 17. **Kiraan2** Sama seperti kiraan, untuk kandungan yang lain.
 18. **Senaraikan** Untuk mendapatkan senarai yang dikehendaki mengikut apa yang telah ditetapkan.

Jenis senarai tersedia:-

1. Senarai menang #1
2. Senarai menang #2
3. Senarai peratus menang
4. Senarai peratus pengundi
5. Senarai bangsa pengundi
6. Senarai yang bertanding
7. Senarai undi calon bertanding
8. Senarai undi ditolak+hilang
9. Senarai wakil rakyat
10. Kawasan, wakil
11. Kawasan, wakil, majoriti
12. Wakil, kawasan, talipon
13. Kawasan, pengundi
14. Kawasan
15. Semakan undi Parlimen-DUN
16. SEMUA CALON, kawasan, undi
17. Penyandang lama / peralihan
18. Senarai pilihan sendiri...

Urutan senarai tersedia:-

1. Ikut nombor kawasan
2. Ikut nama kawasan
3. Ikut nama calon
4. Ikut parti
5. 5-Ikut jumlah pengundi
6. Ikut majoriti menang
7. Ikut peratus mengundi
8. Ikut peratus menang
9. Ikut peratus majoriti
10. Ikut alihan majoriti
11. Ikut peratus alihan
12. Ikut Melayu
13. Ikut Cina
14. Ikut India
15. Ikut ditolak+hilang

Tapisan automaik tersedia:-

1. Bagi majoriti Melayu
2. Bagi majoriti Cina
3. Bagi majoriti India
4. Bagi majoriti Melayu > 50%
5. Bagi majoriti Cina > 50%
6. Bagi majoriti India > 50%
7. Bagi majoriti Melayu > 60%
8. Bagi majoriti Cina > 60%
9. Bagi majoriti India > 60%
10. Bagi sama rata 30%
11. Bagi sama rata 20%
12. Bagi sama rata 10%
13. Bagi BN lawan PAS

14. Bagi BN lawan DAP
15. Bagi BN lawan PKR
16. Bagi BN lawan BEBAS
17. Bagi Melayu lawan Melayu
18. Bagi Melayu lawan Cina
19. Bagi Melayu lawan India
20. Bagi Cina lawan Cina
21. Bagi India lawan India
22. Bagi Cina lawan India
23. Bagi ada BN
24. Bagi ada PAS
25. Bagi ada DAP
26. Bagi ada PKR
27. Bagi ada BEBAS
28. Bagi majoriti > 20%
29. Bagi majoriti > 30%
30. Bagi majoriti > 50%
31. Bagi majoriti > 80%
32. Bagi majoriti < 20%
33. Bagi majoriti < 5%
34. Bagi majoriti < 1%
35. Bagi BN kalah < 5%
36. Bagi BN kalah < 1%
37. Bagi majoriti naik
38. Bagi majoriti naik sama parti
39. Bagi majoriti naik lain parti
40. Bagi majoriti turun
41. Bagi majoriti turun sama parti
42. Bagi majoriti turun lain parti
43. Bagi ada rosak/ditolak
44. Bagi ada hilang
45. Bagi majoriti < ditolak+hilang

46. Bagi majoriti > ditolak+hilang
47. Bagi tiada bangsa
48. Bagi tiada undi
49. Bagi undi salah kira
50. Bagi undi Parlimen <> DUN
51. Bagi undi Parlimen > DUN
52. Bagi undi Parlimen < DUN

3. Kandungan senarai

Senarai maklumat yang dipaparkan bergantung kepada pilihan kehendak pengguna sebagaimana yang dipilih / dimasukkan pada yang ditandakan nombor 1 hingga 13 di bahagian atas laman web.

Berikut ialah contoh yang tidak dipilih apa-apa, iaitu nak senaraikan semua kerusi DUN dan Parlimen yang ada dalam pengkalan data. Hanya klik atau sentuh pada butang senaraikan.

PRU-13
Micromind Computer Sdn Bhd

Negeri (SEMUA) Kerusi (SEMUA) Parti (SEMUA) Bangsa (SEMUA) P N

Senarai menang #1: 1-Ikut nombor kawasan: (Jangan tapis apa-apa)

Kawasan = Calon = Tapis

Individu Kotak Warna Home Reset Kiraan Kiraan2 **Senaraikan** Add New Record

No.	NEGERI	KERUSI	KAWASAN	PARTI	WAKIL RAKYAT	JUMLAH PENGUNJUK	JUMLAH SUKSES	DITOLAK/ROSAK	TIDAK KEMBALI	MAJORITI MENANG	PERATUS MAJORITI	
1	PERLIS	P001	PADANG BESAR	BN	AZMI BIN KHALID	29310	674	2	5348	18.25%	1	
2	PERLIS	P001-N01	TITI TINGGI	BN	MARSHAL BIN MOHAMMAD	206	237	1814	29.89%	2		
3	PERLIS	P001-N02	BESERI	BN	MARSHAL BIN MOHAMMAD	130	0	1111	21.10%	3		
4	PERLIS	P001-N03	CHUPING	BN	MARSHAL BIN MOHAMMAD	151	9	2803	38.39%	4		
5	PERLIS	P001-N04	MATA AYER	BN	MARSHAL BIN MOHAMMAD	98	68	1622	34.79%	5		
6	PERLIS	P001-N05	SANTAN	BN	MARSHAL BIN MOHAMMAD	11	12	712	11.21%	6		
7	PERLIS	P002	KANGAR	BN	MARSHAL BIN MOHAMMAD	167	13671	39.12%	7			
8	PERLIS	P002-N06	BINTONG	BN	MARSHAL BIN MOHAMMAD	184	26	2110	29.97%	8		
9	PERLIS	P002-N07	SEHA	BN	ABDUL JAMIL BIN SAAD	9604	7793	161	107	1869	23.98%	9
10	PERLIS	P002-N08	INDERA KAYANGAN	BN	POR CHOO CHOR @ POR CHOO CHUAN	8517	6322	129	28	1263	19.98%	10

Berikut ialah senarai untuk Parlimen P059 sahaja. Masukkan "59" di ruangan P (nombor 5).

59

Negeri (SEMUA) Kerusi (SEMUA) Parti (SEMUA) Bangsa (SEMUA) P 59 N

Senarai menang #1 1-ikut nombor kawasan (Jangan tapis apa-apa)

PARLIMEN TIADA N

DUN ADA N

KLIK PADA ZOOM 242 UNTUK MASUK KE "BUKIT GANTANG"

No.	NEGERI	KERU	KAWASAN	PARTI	WAKIL RAKYAT	JUMLAH PENGUNDI	DIKELUAR	ROSAK	KEMBALI	MEM	MAJORITY	
1	PERAK	P059	BUKIT GANTANG	PAS	ROSLAN BIN SHAHARUM	55471	40301	851	114	1566	3.89%	242
2	PERAK	P059-N13	KUALA SAPETANG	PKR	TAI SING NG	19699	14496	460	30	564	3.89%	239
3	PERAK	P059-N14	CHANGKAT JERING	PKR	MOHD OSMAN BIN MOHD JAILU	24864	18114	334	60	1102	6.08%	240
4	PERAK	P059-N15	TROONG	BN	ROSLI BIN HUSIN	10908	7690	173	9	916	11.91%	241

4. Zoom ke individu

Klik pada zoom **242** untuk parlimen BUKIT GANTANG pada senarai yang dipaparkan, akan dapat laman web utamanya seperti berikut:-

PRU-13
P059 : BUKIT GANTANG, PERAK (55,471)

Back to list **Calon** Negeri Daerah Tempat Lokaliti Saluran Semakan Keahlian Uti

P059 : BUKIT GANTANG, PERAK (55,471)								
NO.	Nama calon	No./K/P	Talipon	Bangsa	Parti	Undi	Peratus	Status
1	MOHGANAN A/L P.MANIKAM			I	BEBAS	872	2.16 %	HD
2	ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI			M	BN	18,449	45.78 %	
3	ROSLAN BIN SHAHARUM			M	PAS	20,015	49.66 %	MNG
4						0	0.00 %	
Jumlah undi calon :						39,336	97.61 %	
Kertas undi ditolak (rosak) :						851	2.11 %	
Kertas undi dikira :						40,187	99.72 %	
Kertas undi dikeluarkan :						40,301	72.65 %	
Perbezaan bilangan kertas undi :						114	0.28 %	
Kertas undi tidak dikembalikan (hilang) :						114	0.28 %	
Jumlah kertas undi rosak dan hilang :						965	2.39 %	
Majoriti menang :						1,566	3.89 %	
JUMLAH PENGUNDI/PEMILIH:						55,471		

PEMENANG: ROSLAN BIN SHAHARUM M PAS

PECAHAN PEMILIH/PENGUNDI						
Jumlah pemilih/pengundi	Pengundi Melayu	Pengundi Cina	Pengundi India	Pengundi Bumi Sabah	Pengundi Bumi Sarawak	Lain-lain pengundi
55,471	35,188	14,973	5,303	0	0	7
	63.43 %	27.00 %	9.56 %	0.00 %	0.00 %	0.01 %

Maklumat seperti di atas dirujuk sebagai “Calon”. Laman web di atas boleh juga dicapai dengan memilih (klik, sentuh atau sebagainya) pada butang menu Calon.

Daripada laman web utama calon untuk sesuatu kawasan seperti BUKIT GANTANG ini, maklumat peringkat bawahnya boleh dicapai menerusi pilihan menu yang disediakan. Misalnya **Daerah** , **Tempat** mengundi, **Lokaliti** , **Saluran** , **Semakan** pilih atau **Uti** .

5. Negeri

Ini ialah untuk mendapatkan statistik taburan pemilih bagi sesuatu kawasan , mengikut negeri asal pemilih.

Bagi contoh Parlimen P113 SEPANG telah dipaparkan, klik pada menu **Negeri** , laman web seperti berikut akan dipaparkan.

PRU-13
P113 : SEPANG, SELANGOR (62,044)

[Back to list](#)
[Calon](#)
[Negeri](#)
[Daerah](#)
[Tempat](#)
[Lokaliti](#)
[Saluran](#)
[Semakan](#)
[Keahlian](#)
[Uti](#)

Pecahan pengundi mengikut alamat negeri

Bil.	NEGERI KEDIAMAN		AHLI UMNO YANG MENGUNDI	BIL. PEMILIH												
				JUMLAH	MELAYU			CINA			INDIA			LAIN-LAIN		
					JUM	L	P	JUM	L	P	JUM	L	P	JUM	L	P
1	113/00/R	PERLIS	14	26	22	14	8	3	2	1	1	1	0	0	0	
2	113/00/L	KEDAH	43	158	134	73	61	14	6	8	10	6	4	0	0	
3	113/00/D	KELANTAN	26	150	145	76	69	5	4	1	0	0	0	0		
4	113/00/T	TERENGGANU	28	81	78	43	35	3	3	0	0	0	0	0		
5	113/00/P	PULAU PINANG	17	84	52	28	24	22	8	14	9	4	5	1		
6	113/00/A	PERAK	95	353	259	127	132	62	36	26	32	17	15	0		
7	113/00/C	PAHANG	53	206	146	73	73	38	20	18	20	10	10	2		
8	113/00/B	SELANGOR	17,513	57,843	33,776	17,065	16,711	13,211	6,995	6,216	10,223	5,014	5,209	633		
9	113/00/W	WILAYAH PERSEKUTUAN	122	789	263	157	106	428	229	199	96	39	57	2		
10	113/00/N	NEGERI SEMBILAN	250	1,369	565	277	288	325	163	162	476	215	261	3		
11	113/00/M	MELAKA	31	121	93	51	42	20	10	10	8	3	5	0		
12	113/00/J	JOHOR	88	453	211	125	86	197	96	101	45	16	29	0		
13	113/00/S	SABAH	17	44	28	24	4	12	8	4	4	3	1	0		
14	113/00/Q	SARAWAK	4	39	26	14	12	6	4	2	1	1	0	6		
15	113/00/Z	LUAR MALAYSIA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		
16	113/00/X	TIADA ALAMAT	5	326	153	98	55	48	33	15	97	74	23	28		
	JUMLAH		18,306	62,042	35,951	18,245	17,706	14,394	7,617	6,777	11,022	5,403	5,619	675		

Jika tiada maklumat, tiada yang akan disenaraikan seperti berikut:-

PRU-13
P162 : GELANG PATAH, JOHOR (78,676)

Back to list Calon **Negeri** Daerah Tempat Lokaliti Saluran Semakan Keahlian Uti

Pecahan pengundi mengikut alamat negeri

Bil.	NEGERI KEDIAMAN	AHLI UMNO YANG MENGUNDI	BIL. PEMILIH							
			JUMLAH MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN	
			JUM	L P	JUM	L P	JUM	L P	JUM	L P

6. Daerah

Ini ialah untuk senaraikan semua daerah dalam sesuatu kawasan. Jika Parlimen, bagi semua DUN tetapi jika bagi DUN, hanya daerah DUN tersebut sahaja.

PRU-13
P059 : BUKIT GANTANG, PERAK (55,471)

Back to list Calon Negeri **Daerah** Tempat Lokaliti Saluran Semakan Keahlian Uti

Senarai daerah mengundi

Zoom ke LOKALITI ▾ **Jadual 1** Jadual 2 Jadual 3 Jadual 4 Jadual 5 Jadual 6 Statistik kaum Statistik umur
Statistik jantina

Warna 0.00 Ikut BN **Ikut Kod** Ikut Nama Ikut Jumlah Ikut Ahli Ikut % Ahli Ikut Melayu Ikut % Melayu
 Ikut Cina Ikut % Cina Ikut India Ikut % India

Zoom ke pengundi yang (Semua AHLI) ▾ (Semua UMUR) ▾ (Semua BANGSA) ▾ (Semua JANTINA) ▾ (Semua SALURAN) ▾
(Semua) ▾

Bil.	KOD	NAMA DAERAH	JUMLAH	PEMILIH		PERATUS		UNDI DIPEROLEHI		(Zoom)	
				MELAYU	AHLI	MELAYU	AHLI	BN	BUKAN DITERIMA		
30	059/15/02	PASIR HITAM TRONG	332	9		2.71%	%	71	58	129	30
31	059/15/03	KAMPONG TEBOK TRONG	549	549	291	100.00%	53.01%	192	228	420	31
32	059/15/04	TRONG	576	304	129	52.78%	22.40%	170	228	398	32
33	059/15/05	TRONG BARAT	929	460	193	49.52%	20.78%	252	326	578	33
34	059/15/06	BUKIT GANTANG SELATAN	918	667	383	72.66%	41.72%	354	269	623	34
35	059/15/07	AYER TERJUN	509	304	130	59.72%	25.54%	122	191	313	35
36	059/15/08	TEMELOK	1,319	683	436	51.78%	33.06%	499	332	831	36
37	059/15/09	SUNGAI CHE RAHMAT	306	289	139	94.44%	45.42%	127	99	226	37
38	059/15/10	PERMATANG RAJA	1,000	999	541	99.90%	54.10%	494	269	763	38
39	059/15/11	SUNGAI TINGGI	1,846	1,413	834	76.54%	45.18%	844	545	1,389	39
40	059/15/12	PADANG GAJAH	924	655	410	70.89%	44.37%	431	200	631	40
41	059/15/13	BATU HAMPAR	663	597	302	90.05%	45.55%	211	255	466	41
42	059/15/14	SUNGAI ROTAN	307	92	41	29.97%	13.36%	75	90	165	42
		JUMLAH	55,446	35,185	17,173	63.46%	30.97%	18,449	20,887	39,336	

Berikut adalah pilihan menu dalam paparan web daerah:-

1. **Zoom ke** LOKALITI, SALURAN, PENGUNDI/PEMILIH, STATISTIK 1, STATISTIK 2, JENTERA.
2. **Jadual 1** KOD, NAMA DAERAH, JUMLAH, MELAYU, AHLI, % MELAYU, % AHLI, UNDI DPEROLEHI (BN, BUKAN BN, DITERIMA).
3. **Jadual 2** KOD, NAMA DAERAH, JUMLAH, PEMILIH (MELAYU, CINA, INDIA, AHLI), PERATUS (MELAYU, CINA, INDIA, AHLI).
4. **Jadual 3** KOD, NAMA DAERAH, PEMILIH, UMUR (21-40, 41-60, >60), PERATUS (21-40, 41-60, >60).
5. **Jadual 4** KOD, NAMA DAERAH, PEMILIH, UMUR SEMUA (21-40, 41-60, >60), PERATUS SEMUA (21-40, 41-60, >60), UMUR LELAKI (21-40, 41-60, >60), PERATUS LELAKI (21-40, 41-60, >60), UMUR PEREMPUAN (21-40, 41-60, >60), PERATUS PEREMPUAN (21-40, 41-60, >60).
6. **Jadual 5** KOD, NAMA DAERAH, JUMLAH, PEMILIH (MELAYU, CINA, INDIA, AHLI), CULA UNDI (SASARAN, DAPAT).
7. **Jadual 6** KOD, NAMA DAERAH, JUMLAH, PEMILIH (MELAYU, CINA, INDIA, AHLI), CULA UNDI (SASARAN, DAPAT, BN), WARNA.
8. **Statistik kaum** KOD, NAMA DAERAH, JUMLAH, AHLI, MELAYU (JUMLAH, %), CINA (JUMLAH, %), INDIA (JUMLAH, %), B/P SABAH (JUMLAH, %), B/P SARAWAK (JUMLAH, %), ORANG ASLI (JUMLAH, %), LAIN-LAIN (JUMLAH, %).
9. **Statistik umur** KOD, NAMA DAERAH, JUMLAH, UMUR (21-40,41-60,>60), PERATUS (21-40, 41-60, >60), LELAKI (21-40, 41-60, >60), PEREMPUAN (21-40, 41-60, >60).
10. **Edit Warna** Takrifkan warna bagi setiap daerah, dengan paparan maklumat seperti di **Jadual 6** .
11. **Warna** Warnakan senarai atau tidak. Jika diwarnakan, mana-mana daerah yang BN menang akan diwarnakan dengan biru terang. Tiada warna bermakna BN kalah (atau bukan BN yang menang di daerah tersebut).
12. **0.00** Bagi angka yang bernilai sifar (0.00), nak pameran 0 atau tidak (dibiarkan sebagai ruang kosong sahaja). Untuk dapatkan senarai yang kelihatan “lebih bersih” jika terdapat banyak nilai 0.
13. **Ikut BN** Senarai disusun mengikut urutan menurun undi yang

diperolehi oleh BN.

14. **Ikut Kod** Senarai disusun mengikut urutan menaik kod daerah.
15. **Ikut Nama** Senarai disusun mengikut urutan menaik nama daerah.
16. **Ikut Jumlah** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pemilih.
17. **Ikut Ahli** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah ahli UMNO.
18. **Ikut % Ahli** Senarai disusun mengikut urutan menurun peratus keahlian UMNO.
19. **Ikut Melayu** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pengundi Melayu.
20. **Ikut % Melayu** Senarai disusun mengikut urutan menurun peratus pengundi Melayu.
21. **Ikut Cina** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pengundi Cina.
22. **Ikut % Cina** Senarai disusun mengikut urutan menurun peratus pengundi Cina.
23. **Ikut India** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pengundi India.
24. **Ikut % India** Senarai disusun mengikut urutan menurun peratus pengundi India.

Zoom ke pengundi yang memenuhi syarat berikut:-

25. **Ahli** Semua, ahli UMNO atau yang bukan ahli UMNO.
26. **Umur** Semua, berumur seperti yang disenarai.
27. **Bangsa** Semua atau berbangsa Melayu, bukan Melayu, Cina, India, lain-lain.
28. **Jantina** Semua, lelaki atau perempuan.
29. **Saluran** Semua, saluran 1,2,3, atau seterusnya.

30. **(Nombor Zoom)** Dapatkan maklumat lanjut bagi daerah yang dizoom. Maklumat atau paparan berikutnya adalah sebagaimana yang dipilih pada pilihan menu **Zoom ke**

7. Tempat mengundi

Ini ialah untuk mendapatkan senarai semua tempat mengundi dalam sesuatu kawasan DUN atau Parlimen yang dipilih.

PRU-13
P059 : BUKIT GANTANG, PERAK (55,471)

Senarai tempat mengundi

Zoom ke Lokaliti Saluran Pengundi (AHLI) (UMUR) (BANGSA) (JANTINA)

Bil.	KOD	TEMPAT MENGUNDI	PENGUNDI	(Zoom)
1	059/13/01	SEKOLAH KEBANGSAAN AYER PUTEH	3,636	1
2	059/13/02	SEKOLAH KEBANGSAAN SIMPANG	2,539	2
3	059/13/03	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHEA WAH MATANG	1,818	3
4	059/13/04	SEKOLAH KEBANGSAAN (CINA) MATANG, KUALA SEPETANG	3,344	4
5	059/13/05	SEKOLAH KEBANGSAAN (CINA) SEPETANG	1,447	5
6	059/13/06	SEKOLAH KEBANGSAAN (CINA) SEPETANG	2,351	6
7	059/13/07	DEWA	309	7
8	059/13/08	MADRASAH	761	8
9	059/13/09	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO AHMAD RASDI	1,285	9
10	059/13/10	SEKOLAH KEBANGSAAN CHANGKAT IBOL	2,175	10
11	059/13/99	POS	32	77
12	059/14/01	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SIMPANG	4,649	11
13	059/14/02	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SIN MIN SIMPANG	3,385	12
14	059/14/03	SEKOLAH AGAMA TAMAN KAYA	2,935	13

JUMLAH SEMUA PENGUNDI
DI SESUATU TEMPAT
MENGUNDI

25	059/15/03	SEKOLAH KEBANGSAAN (CINA) ASIR HITAM	323	23
26	059/15/04	DEWA	549	24
27	059/15/05	SEKOLAH KEBANGSAAN (CINA) MATANG	2,399	25
28	059/15/06	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) MATANG AYER TERJUN	510	26
29	059/15/07	SEKOLAH KEBANGSAAN TEMELOK	1,321	27
30	059/15/08	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG RAJA	1,306	28
31	059/15/09	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI TINGGI TRONG	2,155	29
32	059/15/10	SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG GAJAH	905	30
33	059/15/11	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU HAMPAR	663	31
34	059/15/99	POS	53	79
		JUMLAH	55,468	

JUMLAH SEMUA PENGUNDI
BAGI SEMUA TEMPAT
MENGUNDI

Berikut adalah pilihan menu dalam laman web senarai tempat mengundi.

1. **Ikut Nama** Senarai tempat mengundi yang dipaparkan akan disusun mengikut urutan menaik nama tempat mengundi.
2. **Ikut Jumlah** Senarai tempat mengundi yang dipaparkan akan disusun mengikut urutan menurun pengundi.
3. **Lokaliti** Pergi ke maklumat lokaliti bagi sesuatu tempat mengundi apabila zoom ke tempat mengundi tersebut.
Apa yang boleh dibuat atau dicapai mengenai lokaliti adalah seperti yang dipaparkan dalam laman web lokaliti tersebut.
4. **Saluran** Pergi ke maklumat saluran bagi sesuatu tempat mengundi apabila zoom ke tempat mengundi tersebut.
5. **(Nombor Zoom)** Dapatkan senarai pengundi bagi tempat mengundi yang dizoom sebagaimana yang dipilih pada pilihan menu berikut:-
6. **Ahli** Semua, ahli UMNO atau yang bukan ahli UMNO.
7. **Umur** Semua, berumur seperti yang disenarai.
8. **Bangsa** Semua atau berbangsa Melayu, bukan Melayu, Cina, India, lain-lain.
9. **Jantina** Semua, lelaki atau perempuan.

Pada bila-bila, pengguna boleh terus lompat ke mana-mana laman web misalnya untuk kembali ke senarai daerah mengundi, klik sahaja menu **Daerah** di bahagian atas paparan.

8. Lokaliti pengundi

Maklumat lokaliti boleh dicapai menerusi dua cara.

1. Lokaliti dari “luar” daerah. Daripada laman web kawasan (atau “dari luar”), iaitu menerusi pilihan menu **Lokaliti** yang di bahagian atas paparan. Semua lokaliti dalam sesuatu kawasan Parlimen atau DUN akan disenaraikan (semua, tanpa mengira daerah).
2. Lokaliti dari “dalam” daerah. Daripada laman web daerah, iaitu dengan zoom ke lokaliti bagi sesuatu daerah. Hanya lokaliti bagi daerah berkenaan sahaja akan disenaraikan.

Berikut adalah contoh lokaliti “dari luar” daerah.

PRU-13
P059 : BUKIT GANTANG, PERAK (55,471)

[Back to list](#)
[Calon](#)
[Negeri](#)
[Daerah](#)
[Tempat](#)
[Lokaliti](#)
[Saluran](#)
[Semakan](#)
[Keahlian](#)
[Utii](#)

Senarai lokaliti (tempat kediaman) pengundi

[Jadual 1](#)
[Jadual 2](#)
[Jadual 3](#)
[Jadual 4](#)
[Jadual 5](#)
[Jadual 6](#)

[Ikut Kod](#)
[Ikut Nama](#)
[Ikut Jumlah](#)
[Ikut Melayu](#)
[Ikut Cina](#)
[Ikut India](#)
[Ikut Ahli](#)

Zoom ke pengundi yang (Semua AHLI) (Semua UMUR) (Semua BANGSA) (Semua JANTINA) (Semua SALURAN)

Bil.	KOD	NAMA LOKALITI	PEMILIH			PERATUS		TEMPAT	(Zoom)
			JUMLAH	MELAYU	AHLI	MELAYU	AHLI		
1	059/13/01/001	KAMPONG PAK DOLLAH	160	151	78	94.38%	48.75%	1	668
2	059/13/01/002	JALAN BARU AIR PUTEH	20	19	6	95.00%	30.00%	1	669
3	059/13/01/003	KG RAHMAT TAMBAH	1	1	1	100.00%	100.00%	1	670
4	059/13/01/004	KAMUNTING STATION	137	100	47	72.99%	34.31%	1	671
5	059/13/01/005	KG KATA BARU	448	413	307	92.19%	68.53%	1	672
6	059/13/01/006	JALAN STATION	105	64	25	60.95%	23.81%	1	673
7	059/13/01/007	KG TERATAI	65	61	43	93.85%	66.15%	1	674
8	059/13/01/008	KG RAHMAT	312	312	177	100.00%	56.73%	1	675
9	059/13/01/009	KG TERATAI TAMBAHAN	32	26	19	81.25%	59.38%	1	677
10	059/13/01/010	KG KURNIA JAYA		332	196	100.00%	59.04%	1	676
11	059/13/01/011	TAMAN MEWAH		786	333	86.47%	36.63%	1	678
12	059/13/01/012	TAMAN YAYASAN		246	149	68.33%	41.39%	1	679
13	059/13/01/013	TAMAN PAKSI 4	7	7	1	100.00%	14.29%	1	680
383	059/15/13/005	ULU ROTAN ESTATE	8	0	0	0.00%	0.00%	11	1050
384	059/15/13/006	KAMPONG PANCHOR LARUT	9	9	2	100.00%	22.22%	11	1051
385	059/15/13/007	BATU 26 BATU HAMPAR	76	75	21	98.68%	27.63%	11	1052
386	059/15/13/008	BATU 25	10	10	6	100.00%	60.00%	11	1053
387	059/15/14/001	PO	1	1	0	100.00%	0.00%	9	1054
388	059/15/14/002	SUNGAI	186	15	10	8.11%	5.41%	9	1055
389	059/15/14/003	KG BARU	80	49	20	61.25%	25.00%	9	1056
390	059/15/14/004	BATU 23 SUNGAI ROTAN	41	27	11	65.85%	26.83%	9	1057
		JUMLAH	55,471	35,185	17,173	63.43%	30.96%		

Berikut adalah contoh lokaliti “dari dalam” daerah.

1. DAERAH

2. LOKALITI

3. DAERAH AYER PUTEH

Bil.	KOD	NAMA DAERAH	JUMLAH	PEMILIH				UNDI DIPEROLEHI			(Zoom)	
				MELAYU	AHLI	MELAYU	AHLI	BN	BUKAN	DITERIMA		
1	059/00/99	POS					%	%		61	357	1
2	059/13/99	UNDI POS					%	%				2
3	059/13/01	KAMUNTING STATION	2,905	2,532	1,387	87.16%	47.75%	1,160	888	2,048		5
4	059/13/02	AYER PUTEH	730	529	321	72.47%	43.97%	247	284	531		6
5	059/13/03	SIMPANG HALT	2,538	1,214	706	47.83%	27.82%	881	925	1,806		7

Setelah pilihan 1,2,3 seperti di atas, diperolehi senarai lokaliti bagi daerah AYER PUTEH sahaja.

DARI DALAM ADA BALIK KE DAERAH

DARI DALAM ADA MAKLUMAT DAERAH

SEMUA DAERAH #13

Bil.	KOD	NAMA LOKALITI	PEMILIH			PERATUS		TEMPAT	(Zoom)
			AHLI	MELAYU	AHLI				
1	059/13/02/001	LADANG CHARLES				0.00%	0.00%	1	687
2	059/13/02/002	KG AYER PUTEH	48	248	248	92.51%	54.63%	1	688
3	059/13/02/003	KG DEW ROAD	171	106	73	61.99%	42.69%	1	689
4	059/13/02/004	LADANG SELINSING	83	3	0	3.61%	0.00%	1	690
5	059/13/02/005	LADANG SYN LEE	2	0	0	0.00%	0.00%	1	691
JUMLAH			730	529	321	72.47%	43.97%		

Berikut adalah pilihan menu dalam paparan web lokaliti:-

1. **O.K. Balik ke senarai daerah** Balik ke paparan laman web senarai daerah. Menu ini ada jika senarai lokaliti ini dipanggil dari senarai daerah.
2. **Jadual 1** KOD, NAMA LOKALITI, PEMILIH (JUMLAH, MELAYU, AHLI), PERATUS (MELAYU, AHLI) , TEMPAT MENGUNDI.
3. **Jadual 2** KOD, NAMA LOKALITI, PEMILIH (JUMLAH, MELAYU, CINA, INDIA, AHLI), PERATUS (MELAYU, CINA, INDIA, AHLI), TEMPAT MENGUNDI.
4. **Jadual 3** KOD, NAMA LOKALITI, PEMILIH, UMUR (21-40, 41-60, >60), PERATUS (21-40, 41-60, >60).
5. **Jadual 4** KOD, NAMA LOKALITI, PEMILIH, UMUR SEMUA (21-40, 41-60, >60), UMUR LELAKI (21-40, 41-60, >60), JUMLAH LELAKI, UMUR PEREMPUAN (21-40, 41-60, >60), JUMLAH PEREMPUAN.
6. **Jadual 5** KOD, NAMA LOKALITI, JUMLAH, PEMILIH (MELAYU, CINA, INDIA, AHLI), CULA UNDI (SASARAN, DAPAT).
7. **Jadual 6** KOD, NAMA LOKALITI, JUMLAH, PEMILIH (MELAYU, CINA, INDIA, AHLI), CULA UNDI (SASARAN, DAPAT), WARNA.
8. **Edit Warna** Takrifkan warna bagi setiap daerah, dengan paparan maklumat seperti di **Jadual 6** . Hanya pengguna berdaftar dan dibenarkan sahaja yang boleh menyunting maklumat warna lokaliti berkenaan.
9. **Ikut BN** Senarai disusun mengikut urutan menurun undi yang diperolehi oleh BN.
10. **Ikut Kod** Senarai disusun mengikut urutan menaik kod daerah.
11. **Ikut Nama** Senarai disusun mengikut urutan menaik nama daerah.
12. **Ikut Jumlah** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pemilih.
13. **Ikut Melayu** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pengundi Melayu.
14. **Ikut Cina** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pengundi Cina.
15. **Ikut India** Senarai disusun mengikut urutan menurun jumlah pengundi India.

Zoom ke pengundi yang memenuhi syarat berikut:-

16. **Ahli** Semua, ahli UMNO atau yang bukan ahli UMNO.
17. **Umur** Semua, berumur seperti yang disenarai.
18. **Bangsa** Semua atau berbangsa Melayu, bukan Melayu, Cina, India, lain-lain.
19. **Jantina** Semua, lelaki atau perempuan.
20. **Saluran** Semua, saluran 1,2,3, atau seterusnya.
21. **(Zoom)** Dapatkan senarai pengundi (pemilih) bagi lokaliti berkenaan, yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di atas.

9. Senarai pengundi

Senarai pengundi boleh diperolehi hanya menerusi zoom.

1. Jika dalam senarai daerah, pilih zoom ke PENGUNDI. Klik pada menu zoom daerah yang berkenaan, dapatlah senarai pengundinya yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
2. Jika dalam senarai lokaliti, klik pada menu zoom lokaliti yang berkenaan, dapatlah senarai pengundinya yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

